

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 181 ● 9 - 15 SEPTEMBER 2022 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my f Wilayahku @akhbarwilayahku Wilayahku WKTV



Kerjasama KL-Tokyo

tangani banjir

HUBUNGAN Kuala Lumpur-Tokyo yang terjalin sejak sekian lama bakal membuka lembaran baharu apabila lawatan kerja delegasi Tokyo yang diketuai Gabenornya, Yuriko Koike berminat membantu bandar raya ini menyelesaikan masalah banjir yang sebelum ini membelenggu warga kota.

Majlis Menandatangani Surat Hasrat (LoI) berkenaan projek pembinaan kolam takungan air bawah tanah di antara Tokyo Metropolitan Government (TMG) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah diadakan di Kementerian Wilayah Persekutuan baru-baru ini sekali gus bakal memuktamadkan perancangan jangka panjang penyelesaian isu banjir kilat di Kuala Lumpur.

Selain itu, kedua-dua delegasi turut bersetuju untuk terlibat dalam pertukaran praktikal serta kerjasama menerusi bidang pembangunan infrastruktur bandar dan infrastruktur penuaan (*aging infrastructure*); alam sekitar bandar dan perkara berkaitan cabaran teknologi bandar serta usaha bersama bagi menangani isu-isu berkaitan perubahan iklim ekstrem di seluruh dunia.

BERITA LANJUT DI MUKA 3



Ekspresi seni
di Jalan TAR



Awas
perangkap
doktor gigi
haram



Aura
karismatik
'Cowboy'
Malaysia'



Wilayahku
media
rasmi
kontinjen
SUKMA WP

>> 9, 10, 11

>> 18

>> 21

>> 24

Media bebas lapor sebarang berita bersandarkan fakta - PM

PERDANA MENTERI, DATUK SERI ISMAIL SABRI YAAKOB memberi jaminan kepada pengamal media di dalam negara bahawa mereka bebas melaporkan sebarang berita, namun ia mesti bersandarkan fakta yang benar dan sahih.

Dalam hal ini, Perdana Menteri berkata sebagai penyebar maklumat, beliau yakin setiap media sedar mengenai batasan dan tanggungjawab mereka.

"Yang saya tahu, media mesti bertanggungjawab iaitu menceritakan perkara yang sebenar, memberikan informasi yang sebenar.

"Jika memberikan informasi yang sebenar, pasti tidak akan ada bantahan dan kekangan daripada kerajaan tentang bagaimana berita tersebut nak



ISMAYL SABRI

disampaikan," katanya kepada pemberita ketika mengadakan kunjungan ke Media Prima di Sri Pentas, pada Rabu.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri turut percaya jaminan kerajaan terhadap kebebasan media diterjemah melalui tindakan kerajaan.

"Jika ada yang lebih dari sepa-

tutnya atau dibenarkan, pasti kerajaan akan menegurnya.

"Setakat ini tidak ada media yang ditutup atau ditarik lesen sebagainya, itu maknanya kerajaan memberikan kebebasan kepada media," katanya.

Menyifatkan peranan media arus perdana amat penting dalam menyebar maklumat sebenar, Perdana Menteri turut berharap orang ramai agar tidak hanya ber-

gantung kepada media sosial untuk mendapatkan maklumat.

"Seperti kita tahu hari ini, pelbagai informasi yang tidak tepat, informasi diselewengkan sehingga menyebabkan rakyat terkeliru.

"Jadi, sebab itulah bagi saya penting media arus perdana seperti TV3 dan media cetak yang ada pada hari ini memberikan informasi sebenar, tidak mengelirukan," katanya. **WK**

DBKL rangkul empat anugerah utama di Festival Floria Diraja Putrajaya 2022

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merangkul empat anugerah emas sempena Floria Diraja Putrajaya 2022.

Pengarah Eksekutif (Pengurusan Projek) DBKL, **Datuk Sr Kamarulzaman Mat** berkata anugerah yang dimenangi itu menunjukkan usaha DBKL dalam mengindahkan ibu kota melalui landskap diiktiraf jawatankuasa ini.

"Alhamdulillah kita telah memenangi empat anugerah yang utama iaitu Anugerah Perdana Floria 2022. Banyak tempat yang kita kenal pasti sebagai tempat taman awam dan kita akan perindah lagi dengan landskap menarik dan dengan cara tersebut ia akan memberikan nilai tambah untuk Kuala Lumpur.

"Ia juga dapat mengekalkan idea-idea pembangunan landskap di sesetengah kawasan supaya hasil rat untuk memperindahkan ibu kota dapat dilaksanakan dengan lebih berjaya sekali gus menarik perhatian pelancong tempatan dan antarabangsa," katanya kepada *Wilayahku* pada Selasa.

Menurut Kamarulzaman, melalui anugerah tersebut serta idea yang digarap dalam reka bentuk landskap yang ditonjolkan, pihaknya akan mempraktiskan di tempat yang dinyatakan demi ke makmuran Kuala Lumpur.



KAMARULZAMAN (tengah) menjulang trofi yang diterimanya mewakili DBKL dalam empat kategori termasuk Floria Garden Prime Award daripada Shahidan.

"Seperti diketahui, Kuala Lumpur merupakan bandar raya yang sentiasa berhadapan dengan perubahan. DBKL akan memastikan keindahan Kuala Lumpur sentiasa menjadi agenda utama selari dengan hasrat Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim yang mahu menjadikan ibu kota sebagai bandar raya untuk semua," katanya.

Katanya, persaingan akan datang menjadi semakin sengit dan usaha berterusan akan dilakukan supaya DBKL sentiasa menjadi contoh

dalam pembangunan landskap untuk ibu kota dan seluruh negara.

"Kita mesti terus unggul dan menjaga kemenangan ini kerana yakin agensi lain akan bersungguh-sungguh mencuba sedaya upaya untuk menaik taraf seni bina landskap di bawah kendalian mereka untuk memenangi anugerah yang sama," katanya.

Jelas Kamarulzaman, anugerah yang telah dimenangi ini turut melibatkan penyertaan komuniti setempat yang bertepatan dengan Local Agenda 21 (LA21).



SHAHIDAN (tengah) bersama pegawai dan kakitangan Jabatan Landskap DBKL bergambar dengan trofi dan sijil selepas Majlis Penutup Floria Diraja Putrajaya.

"Dalam setiap program pengindahan bandar, DBKL akan sentiasa melibatkan komuniti setempat bagi menanamkan semangat cintakan kawasan perumahan mereka dan menperindahkan kawasan tersebut.

"Insya-Allah kita akan bekerjasama dan pihak DBKL boleh memperuntukkan tempat. Apa yang kita mahukan adalah penyertaan oleh komuniti itu sendiri supaya ada sikap *sense of belonging* untuk menjadikan kawasan Projek Perumahan Rakyat dan Perumahan Awam lebih bersih,

cantik dan ceria serta melahirkan generasi yang baik untuk Kuala Lumpur," katanya.

Antara anugerah yang dirangkul adalah Floria Garden Prime Award 2022, Floria Garden Creative Award bagi kategori kategori Awesome Floria, Floria Garden Award Kategori Kerajaan dan Floria Garden Starlight Award.

Bagi Kategori Community Garden, Kebun Komuniti Kuala Lumpur telah dipilih memenangi sub kategori Laman Edugarden. **WK**

Sambutan hebat, Floria Diraja dilanjutkan lagi sehingga Ahad, masuk percuma

BERIKUTAN sambutan hebat daripada orang ramai, Festival Floria Diraja Putrajaya 2022, dilanjutkan sehingga Ahad ini, dengan kemasukan adalah percuma, umum Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim**.

Shahidan berkata bersempena cuti penggal persekolahan hingga Ahad ini, tiket masuk ke festival itu adalah percuma mulai Rabu (7 September) bagi memberi peluang kepada ibu bapa untuk membawa anak-anak mereka ke Floria Diraja Putrajaya 2022.

"Ini adalah hadiah buat Keluarga Malaysia. Kita bagi percuma sebab ada ibu bapa yang bawa anak-anak melawat Putrajaya, jadi wajar kita bagi masuk percuma."

"Dengan kemasukan secara percuma ini, kita sasar 100,000 pengunjung hadir untuk tempoh lima hari pelanjutan ini," katanya selepas menghadiri Majlis Penutup Floria Diraja Putrajaya 2022 pada Selasa.

Jumaat lepas, Perbadanan Putrajaya (PPj) mengumumkan pelanjutan festival itu sehingga 6 September berikutnya sambutan yang amat menggalakkan daripada orang ramai. Festival berkenaan sepatutnya berakhir pada Ahad lalu.

Shahidan berkata pelbagai aktiviti menarik akan diteruskan termasuk cabutan bertuah dengan hadiah utama sebuah motosikal pada hari terakhir Floria Diraja Putrajaya 2022, selain persembahan daripada kumpu-

lan busker.

Lebih 400,000 pengunjung menyaksikan Floria Diraja Putrajaya 2022 sejak ia membuka tirai pada 29 Ogos lepas. Bertempat di Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya turut memamerkan Taman Keluarga Malaysia dengan konsep yang diadaptasi melalui tiga nilai iaitu Keterangkuman, Kebersamaan dan Kesukuran.

Antara komponen yang terdapat di festival itu ialah Taman Keluarga Malaysia, Taman Koboi dan Sukulen, Taman Instagramable, Hiasan Dinding Orkid dan Terowong Oncidium.

Shahidan dalam pada itu turut mengisyaratkan bunga raya sebagai bunga rasmi bagi Putrajaya. **WK**



KEMASUKAN secara percuma selama lima hari menyasarkan 100,000 pengunjung.

KL-Tokyo meterai perjanjian bersejarah

Kerjasama hadapi perubahan iklim

LANGKAH-LANGKAH tindak balas perubahan iklim ekstrem menjadi agenda utama yang ditekankan menerusi kerjasama yang terjalin di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Tokyo Metropolitan Government (TMG).

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata surat hasrat (LoI) yang ditandatangani oleh kedua-dua pihak itu bakal mengukuhkan lagi kerjasama untuk menjadikan hubungan tersebut bermanfaat bagi penduduk di kedua-dua bandar iaitu Kuala Lumpur dan Tokyo.

Menurutnya, antara lain TMG dan DBKL bersetuju untuk terlibat dalam pertukaran praktikal serta kerjasama menerusi bidang pembangunan infrastruktur bandar dan infrastruktur

penuaan (*aging infrastructure*); langkah-langkah alam sekitar bandar dan perkara berkaitan cabaran teknologi bandar.

“Hari ini kita tandatangan LoI di antara Kuala Lumpur dan Tokyo, banyak perkara yang diberi perhatian terutamanya mengenai pengurangan pelepasan karbon yang sekarang ini menjadi agenda dunia terutamanya berhubung perubahan iklim.

“Kita juga ada berbincang mengenai mitigasi banjir berkaitan ‘underground storage’ yang dilaksanakan di Tokyo dan ini merupakan sesuatu yang baharu bagi kita,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Menandatangani LoI di antara TMG dan DBKL serta taklimat berkaitan SMART Control Centre di Menara Seri Wilayah baru-baru ini.

Terdahulu, DBKL menerima lawatan kerja daripada 13 delegasi TMG selama tiga hari bermula 31 Ogos diketuai oleh Gabenor Tokyo, Yuriko Koike.

Selain itu, katanya delegasi TMG turut dibawa untuk melihat dan diberi taklimat berkaitan SMART Control Centre.

“Mereka juga datang untuk melihat SMART tunnel yang merupakan sesuatu yang baharu bagi mereka selain ingin mengetahui dengan lebih lanjut tentang kegunaan terowong berkenaan bagi tujuan trafik dan banjir,” katanya.

Justeru Shahidan berharap jalinan kerjasama itu dapat menangani isu-isu berkaitan perubahan iklim ekstrem selain terus menggalakkan pertukaran dalam bidang-bidang lain yang dipersetujui. **WK**



MAHADI (dua dari kanan) menunjukkan dokumen surat hasrat yang ditandatangannya bersama Gabenor Tokyo, Yuriko Koike bagi membantu mereka bentuk kolam tadahan air bawah tanah di ibu negara.

Penyelesaian banjir: DBKL bakal bina takungan air bawah tanah

DARI MUKA DEPAN

KUALA Lumpur bakal memiliki takungan air bawah tanah, seperti Tokyo, Jepun sebagai langkah mengatasi banjir kilat dalam jangka masa panjang.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** berkata itu antara cadangan yang diketengahkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebagai ‘strategi’ menguruskan banjir di ibu kota.

Jelasnya, perkara itu masih dalam kajian menerusi perunding yang dilantik oleh DBKL.

“Ada cadangan jangka panjang berkenaan cara mengatasi banjir kilat di Kuala Lumpur untuk membuat penyimpanan air bawah tanah seperti di Tokyo.

“Ia ditakung dahulu supaya tidak berlaku banjir kilat atau air bertakung yang teruk. Maka air disimpan di bawah tanah.

“Kita sedang mengkaji perkara ini melalui perunding yang dilantik untuk mengeluarkan penemuan berkaitan perkara tersebut dalam tempoh empat hingga lima bulan,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri Malam Media anjuran DBKL baru-baru ini.

Mengulas tujuan utama kajian berhubung tempat simpanan air bawah tanah itu, Mahadi menjelaskan ia bagi menentukan sama ada pelaksanaan langkah sedemikian sesuai atau sebaliknya.

Tambahnya, kajian turut merangkumi aspek mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk membina tempat simpanan air bawah tanah di Kuala Lumpur.

“Tujuan utama kajian ini ialah kesesuaian pelaksanaan penyimpanan air bawah tanah di Kuala Lumpur dan lokasi berpotensi ia dijalankan kerana ia membatikan graviti serta topografi kawasan tersebut.



SHAHIDAN (kanan) mengadakan perbincangan dengan Delegasi Tokyo yang diketuai Gabenornya, Yuriko Koike di pejabatnya baru-baru ini.

“Ia perlu diletakkan di tempat paling rendah supaya mudah air disalirkan kepada lokasi yang kita kenal pasti sebagai tempat penyimpanan air,” katanya.

Mengenai persediaan DBKL menghadapi cuaca tidak menentu termasuk hujan lebat sehingga mengakibatkan banjir kilat, Mahadi berkata pihaknya melakukan persediaan rapi terutama dari penyelenggaraan dan kebersihan tempat pengairan serta saliran seperti longkang.

Katanya, pihaknya juga merujuk data taburan hujan yang jauh lebih tinggi direkodkan di Kuala Lumpur berbanding sebelum ini, supaya persediaan dapat dibuat dengan lebih sistematik.

Selain itu, beliau turut mengadakan mesyuarat dengan syarikat pembersihan Alam Flora dan agensi berkaitan seperti Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dari segi persiapan.

“Jadi data tersebut menjadi panduan kepada kita untuk memastikan longkang-longkang tidak dipenuhi sampah, daun

kering atau botol minuman yang menghalang air dalam saliran serta menyebabkan berlakunya takungan air yang menjurus kepada banjir kilat jika hujan berpanjangan.

“Saya buat keputusan bahawa Alam Flora sebagai pihak kontraktor perlu keluarkan sijil yang mengesahkan sistem perparitan dan longkang yang dibersihkan olehnya tidak akan menghalang air hujan.

“Ini satu kaedah yang mana air dapat mengalir tanpa halangan walaupun hujan lebat. Pada minggu lalu, pendekatan ini (membersihkan longkang) berjaya dan kita tidak nampak takungan air besar yang boleh menghalang lalu lintas atau rumah dimasuki air,” katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Gabenor Tokyo pada Majlis Menandatangani Surat Hasrat (LoI) di antara DBKL dengan Tokyo Metropolitan Government (TMG) yang diwakili Gabenorinya, Yuriko Koike baru-baru ini menyifatkan hubungan akrab di antara Kuala Lumpur dan Tokyo telah merintis pelbagai kerjasama terutama berkaitan infrastruktur, mitigasi banjir dan program rendah karbon.

pelbagai topik dan berminat untuk membantu Kuala Lumpur dalam reka bentuk.

“Kedua-dua bandar raya ini berkongsi isu bersama bukan sahaja tebakan banjir termasuklah infrastruktur,” katanya.

Tambahnya, kedua-dua bandar raya ini turut bekerjasama rapat dalam isu melibatkan alam sekitar sejak pada tahun 2019 termasuklah dalam bidang kecekapan tenaga yang lebih baik dan rendah karbon. **WK**

Isteri PM kongsi rahsia kekal 40 tahun hidup bersama

HAZIRAH HALIM

ISTERI Perdana Menteri, Datin Seri Muhamin Zainal Abidin meluahkan rasa syukur kerana suaminya, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob seorang yang tidak cerewet dalam soal pemakanan.

Berkongsi perkara itu kepada media, Muhamin menyifatkan bahawa suaminya tidak pernah memilih makanan dan baginya asalkan ada hidangan di atas meja sudah memadai dan itulah menjadi kunci keutuhan mahligai yang dibina bersama masih berkekalan.

"Datuk Seri Ismail Sabri memang tidak banyak kerentah dalam soal makanan. Asal ada makanan dia okay sahaja, sebab itulah saya boleh bertahan dengannya selama 40 tahun," katanya selepas Majlis Demo Masakan oleh isteri Perdana Menteri di Floria Diraja Putrajaya 2022 (RFP 2022), Jumaat lalu.

Menyentuh mengenai RFP



DATIN Seri Muhamin Zainal Abidin (tengah) bersama Datin Seri Shamsiah Md Yassin (kanan) dan Chef Hasna daripada Hotel Pulse Grande menunjukkan makanan yang telah siap dimasak.

2022, beliau menyifatkan penganjuran pada tahun ini dilihat mampu menarik ramai pengunjung

pelbagai bangsa.

"Festival ini berjaya menarik ramai pengunjung dari seluruh

Malaysia dan daripada sifalah kita lihat Keluarga Malaysia bersatu padu," ujar Muhamin.

Terdahulu, antara menu yang dimasak oleh beliau bersama isteri Menteri Wilayah Persekutuan, Datin Seri Shamsiah Md Yassin adalah Nasi Minyak Teh Bunga, Ikan Senangin Sambal Bunga Kantan, Bunga Turi Masak Lemak, Ayam Berlada dan Daging Masak Hitam untuk hidangan 200 tetamu jemputan.

Program tersebut dijayakan dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Perbadanan Putrajaya (PPj), Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dan Hotel Pulse Grande Putrajaya.

Hadir sama Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Datuk Seri Rosida Jaafar dan Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk TPr Fadlun Mak Ujud.

WK

Konsert yang telah mendapat kelulusan akan diteruskan



PIHAK berkuasa akan memastikan penganjur konsert menerapkan nilai murni di kalangan rakyat Malaysia.

KONSERT artis antarabangsa yang telah mendapat kelulusan pihak berkuasa akan dapat diteruskan seperti yang dijadualkan, kata Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim**.

Katanya, pihak berkuasa hanya akan membuat semakan terhadap penganjur yang masih belum mendapat kelulusan untuk memastikan mereka 'menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan rakyat Malaysia'.

"Kita mesti memastikan apa yang dibawa masuk ke Malaysia bukan sahaja menghiburkan, tetapi juga menggalakkan nilai-nilai positif."

"Jadi, di masa akan datang, kita akan mengadakan perbincangan untuk memastikan semua acara yang dirancang memberi manfaat kepada rakyat," katanya dalam ucapan ketika majlis di Floria Diraja

Putrajaya pada Selasa.

Tambahnya, tumpuan juga perlu diberikan untuk memastikan sebarang acara masa depan memberi manfaat kepada rakyat Malaysia dari segi ekonomi.

"Jika kita berbelanja untuk tempatan, rakyat Malaysia yang akan mendapat manfaat."

"Tetapi jika kita berbelanja untuk orang luar, ini tidak begitu berfaedah untuk kita," ujarnya.

Pada Ahad lalu, Shahidan memberitahu media bahawa DBKL akan mengkaji semula kelulusan yang telah diberikan kepada konsert untuk 'memastikan kesesuaianya untuk rakyat'.

Ia merupakan kenyataan susulan terhadap Ketua Pemuda PAS, Ahmad Fadhlil Shaari yang menggesa kerajaan

membatalkan konsert berjadual yang menampilkan artis antarabangsa selepas konsert penyanyi Amerika Billie Eilish yang mendapat reaksi negatif daripada parti tersebut.

Beliau turut memberi amaran bahawa protes akan berlaku di seluruh negara jika konsert yang dijadualkan itu diteruskan. WK

CERITA KEDAI KOPI

DBKL rugi ratusan ribu

KERUGIAN mencecah sehingga RM700,000. Itu yang terpaksa ditanggung oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akibat tanaman hiasan di sekitar Dataran Merdeka dan jalan-jalan berhampiran, musnah dipijak orang ramai yang datang menyaksikan sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan ke-65 hujung bulan lalu.

Memetik Datuk Bandar, Datuk Seri Mahadi Che Ngah, di samping kemusnahan ini, persekitaran juga tercemar dengan sampah sarap yang dibuang merata-rata dan ditinggalkan begitu sahaja.

Ramai sungguh memenuhi Dataran Merdeka untuk sama-sama menyaksikan sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan, mungkin kerana dua tahun tiada sambutan disebabkan pandemik COVID-19.

Bukan sahaja Dataran Merdeka dibanjiri, bahkan kawasan-kawasan sekitarnya dipenuhi orang ramai yang datang bersama keluarga atau rakan-rakan. Suasana sungguh meriah.

Namun dalam kemeriahannya dan kegairahan orang ramai bergembira menyaksikan perarakan dan persembahan, ternyata ada yang langsung

tidak peka dengan harta awam dan tidak rasa bersalah merosakkannya.

Kawan-kawan Kedai Kopi sedih dengan sikap ini dan kasihan dengan DBKL apabila pokok-pokok tanaman hiasan sebagai landskap untuk menceria dan memperindah persekitaran dimusnahkan.

Inilah akibat sikap orang ramai yang berpusu-pusu memijak tanaman tersebut sehingga lunyi tanpa rasa bersalah sedangkan DBKL berpenat lelah mengindahkan sekeliling. Musnahlah pokok-pokok segar menghijau tersebut di kaki manusia yang tidak ada perasaan.

Sikap tidak endah terhadap harta awam ini menampakkan tahap tidak peduli di kalangan orang ramai. Sementara mereka dialu-alukan datang menyaksikan Sambutan Hari Kebangsaan, bukan bermakna boleh memijak tanaman sesuka hati.

Tanaman hiasan ini jelas kelihatan pada mata. Oleh itu kenapa dipijak? Perbuatan memusnahkannya nampak jelas disengajakan. Agaknya sikap yang tertanam ialah 'peduli apa, bukan pokok sendiri'. Nanti DBKL akan tanam balik. Sikap ini sangat tidak baik.

Kawan-kawan Kedai Kopi nampak perbuatan merosakkan harta awam semacam sudah jadi



SEBAHAGIAN tanaman hiasan yang musnah dipijak orang ramai ketika datang menyaksikan sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan di Dataran Merdeka hujung bulan lalu. Foto DBKL.

trend di kalangan warga kota. Misalnya, perbuatan vandalisme yang dilaporkan kerap berlaku di Projek Perumahan Rakyat (PPR) atau Perumahan Awam (PA).

Lif di perumahan tersebut kerap dirosakkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan ia tidak berfungsi. Bukanakah ini hanya menyusahkan para penghuni sendiri, terutama yang tinggal di tingkat tinggi?

Apabila berlaku kecemasan, situasi menjadi sukar. Contoh, jika ada pesakit yang perlu diantar ke hospital dengan segera. Bagaimana hendak

membawa pesakit dari tingkat tinggi ke bawah jika lif tidak berfungsi? Bagaimana jika terkena kepada kaum keluarga yang melakukan kerosakan tersebut? Bimbang menyesal tidak berguna.

Pihak DBKL pun lemah memperbaiki lif yang rosak kerana kerap berlaku. Masakan tidak, apabila sudah diperbaiki, tidak lama kemudian ada lagi laporan rosak. Sampai bila ini harus berlaku? Kerja pembaikan memerlukan perbelanjaan dan mengambil masa.

Di kawasan rekreasi dan riadah pun, kerap berlaku vandalism. Kemudahan yang disediakan dirosakkan sehingga tidak dapat digunakan. Kenapa sikap seperti ini dibiarkan bersarang dalam minda?

Oleh itu kawan-kawan Kedai Kopi berharap orang ramai sama-sama menjaga dan menghargai semua jenis harta awam serta segala jenis tanaman. Orang ramai mesti tahu menghargai kemudahan yang disediakan untuk semua.

Peristiwa di Dataran Merdeka juga boleh menjadi ikhtiar kepada DBKL sendiri agar membuat persiapan rapi jika ada sambutan atau perayaan besar-besaran di ibu negara. Misalnya memagar kawasan tertentu atau menyediakan ruang mencukupi untuk orang ramai menyaksikan.

Apa yang berlaku di Dataran Merdeka kerana orang ramai berebut mencari ruang untuk menyaksikan perbarisan dan persembahan. Tahun hadapan DBKL mesti ada usaha mengatasi masalah ini agar tidak berulang.

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@yayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zambray
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Roshidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
khairelwilayahku@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer6@gmail.com
Sabrina Sabre
sabrinawilayahku@gmail.com
Hazirah Halim
hazirahwilayahku@gmail.com
Diana Amir
dianawilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annuar
affandywilayahku@gmail.com
Fauzi Taib
adhamfauzi05@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwktv@gmail.com
Muhammad Syuqqree Mohd Dain
syuqqreewilayahku@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@yayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm8686@gmail.com

OPERASI & PEMASARAN

Roslee Hanafi
roslee@yayasanwp.org.my

MEDIA WARGA KOTA
9 - 15 SEPTEMBER 2022

KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA
BERSEKUTU
BERTAMBAH MUTU
BERSEKUTU
BERTAMBAH MUTU

KEMENTERIAN
WILAYAH PERSEKUTUAN
BERSEKUTU
BERTAMBAH MUTU

#MYSENIBUDAYA

FESTIVAL PERMAINAN MALAYSIA @KUALA LUMPUR

23-25 SEPTEMBER 2022
DATARAN MERDEKA, KUALA LUMPUR

SEMUA DIJEMPUT HADIR!

SCAN ME

MEDIA WARGA KOTA
KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA
JABATAN KEBUDAYAAN
DAN KESENIAN NEGARA

PERSATUAN
SENIBUDAYA
PUTRA

Wilayah Ku

SALURAN MEDIA
SOSIAL JKKN
#festivalpermainanmalaysia2022
#fpm@k2022

UNTK MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI:
JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
03-2072 6779

KELUARGA
MALAYSIA

11 September 21 tahun lalu



KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

HARI itu pukul 8.30 malam 11 September 2001. Jabatan Pengarang Utusan Melayu sudah agak snyi. Banyak wartawan sudah pulang. Yang tinggal hanya sub-editor yang bertungkus-lumus menyiapkan halaman untuk surat khabar esoknya.

Saya masih ada di pejabat walaupun biasanya sebelum pukul 8 malam saya sudah pulang. Bagaimanapun sudah tidak ingat apa yang membuatkan saya masih berada di pejabat selewat itu. Semua wartawan saya sudah pulang dan ada yang yang keluar membuat liputan.

Pertengahan tahun 1990-an, operasi di Jabatan Pengarang mulai menggunakan komputer. Pada tahun 2001 sistem komputer yang digunakan adalah terkini waktu itu. Era mesin taip sudah lama berlalu dan saya generasi terakhir.

Ketika itu saya sudah lama kehilangan bunyi mesin taip seperti zaman awal di Utusan Melayu. Semua itu sudah menjadi kenangan dan generasi selepas saya tidak dapat membayangkan keadaan yang sedemikian. Walaupun begitu, sama ada mesin taip atau komputer yang berubah hanya alat. Etika kerja kewartawaran tetap sama.

Malam itu saya terdengar seorang wartawan berteriak kuat, "Amerika diserang." Kemudian diikuti dengan, "Dua bangunan hancur dilanggar kapal terbang." Saya terkejut dan mata tertancap di kaca televisyen yang menyiarkan *breaking news* dua menara World Trade Centre (WTC) berkecaci dan sisapi yang masih menyala.

Tragedi 11 September 2001 itu berlaku pada pukul 8.15 pagi waktu New York dan 8.15 malam waktu Malaysia. Waktu New York lewat 12 jam dengan Malaysia. Maknanya *breaking news* itu tidak lama selepas kejadian berlaku. Beberapa detik kemudian saya menjadi terkedu. Mungkinkah ini bermulanya Perang Dunia Ketiga, tanya saya sendirian.

Melalui agensi berita antarabangsa yang dilanggar Utusan Melayu, daripada komputer di depan meja saya mengakses laporan yang lebih lengkap. Terlalu banyak berita hingga tidak terbaca.

Sejak malam itu saya tertanya-tanya bagaimana jurugambar agensi berita antarabangsa seperti Reuters, UPI, AP dan beberapa



TRAGEDI 11 September 2001 menggemparkan seluruh dunia apabila menara berkembar World Trade Center (WTC) New York terbakar selepas dilanggar pesawat pertama.

lagi mendapat sudut yang sangat menarik ketika dua menara WTC di New York diremuh dengan pesawat komersial?

Difahamkan kilang percetakan di Bandar Baru Bangi menambah cetakan (*print order*) surat khabar Utusan Malaysia keluaran Rabu 12 September 2001. Itu adalah biasa apabila ada berita besar dan boleh 'jual' surat khabar esoknya. Kalau tidak ada berita seperti itu, cetakan dalam jumlah yang biasa.

Orang ramai tentu akan mencari surat khabar esoknya untuk mendapat laporan yang lengkap. Laporan berita di televisyen dan radio yang agak pendek itu menjadi umpan orang membaca surat khabar.

Itu adalah zaman emas industri persuratkhabaran negara ini. Walaupun internet sudah ada tetapi tidak meluas. Kadar penembusan Internet sangat kecil dan hanya boleh diakses di komputer *desktop* atau *laptop* sahaja. Malah belum wujud pun surat khabar dalam talian.

Belum ada telefon pintar yang boleh mengakses internet. Media sosial semuanya belum nampak bayang lagi. Mahu tidak mahu terpaksa menunggu 12 jam kemudian untuk mendapatkan surat khabar. Waktu itu tidak ada istilah berita basi.

Saluran maklumat utama adalah surat khabar, televisyen dan radio. Dalam ketiga-tiga ini, surat khabar paling berpengaruh walaupun terlalu lambat sampai

kepada pembaca. Kira-kira 12 jam kemudian barulah berita kejadian yang berlaku itu dapat dibaca.

Sudah tentu semua surat khabar di negara ini menjaring peluang keemasan untuk melonjakkan jualan masing-masing. Bukan di negara ini sahaja, malah di luar negara juga keadaannya adalah sama. Kejadian yang sebesar itu memang satu tragedi, tetapi dalam industri persuratkhabaran itu adalah laba.

Semakin besar kemusnahan berlaku, semakin besar jugalah pulangannya. Berita itu mempunyai nilai yang tinggi di pasaran. Berita serangan di menara WTC itu memang melariskan jualan surat khabar.

Tetapi bukanlah maksudnya wartawan hidup di atas penderitaan orang lain. Kejadian sudah pun berlaku. Sama ada melaporkan atau tidak, ia tidak mengubah apa-apa pada kejadian itu. Maka lebih baik dilaporkan.

Esoknya 12 September 2001, selepas menghantar anak-anak ke sekolah saya terus ke pusat bandar dengan motor kapcai. Meronda ke kedai-kedai mamak yang menjual surat khabar. Memang tepat jangkaan saya, surat khabar hari itu laris macam pisang goreng panas.

Saya meninjau ke beberapa kedai menjual surat khabar di Lebuh Pasar dan Lebuh Ampang. Keadaannya juga serupa – banyak yang lalu-lalang singgah membeli surat khabar. Saya merakamkan

“Saya meninjau ke beberapa kedai menjual surat khabar di Lebuh Pasar dan Lebuh Ampang. Keadaannya juga serupa – banyak yang lalu-lalang singgah membeli surat khabar. Saya merakamkan suasana yang luar biasa itu dengan kamera Yashica filem hitam putih sebagai dokumentasi peribadi.”

suasana yang luar biasa itu dengan kamera Yashica filem hitam putih sebagai dokumentasi peribadi.

Di tempat-tempat menunggu bas, orang ramai membuka surat khabar masing-masing. Pemandangan ini agak luar biasa berbanding hari-hari yang tidak ada berita yang menggemparkan. Sebagai orang yang terlibat dalam penerbitan surat khabar, keadaan sedemikian adalah pengalaman yang berguna.

Antara surat khabar dengan surat khabar juga bersaing memberikan laporan yang paling lengkap dan menjawab semua persoalan yang bermain di fikiran pembaca. Malah sudut laporan juga menjadi perkara penting untuk menarik perhatian pembaca.

Pada 12 September 2001 juga saya menyusur ke beberapa lokasi tumpuan orang ramai di Kuala Lumpur. Ternyata banyak yang memegang surat khabar – bukan sahaja Utusan Malaysia tetapi yang lain-lain juga. Topik perbualan di warung dan restoran tertumpu pada serangan meranapkan WTC yang menjadi kebanggaan AS. Saya yang duduk di meja sebelah hanya memasang telinga mendengar perbualan orang ramai.

Saya agak beruntung kerana menyaksikan zaman kegemilangan industri persuratkhabaran kemudian zaman merudum dengan adanya teknologi yang lebih terkini untuk mendapat maklumat. Suasana pagi di gerai mamak yang menjual surat khabar kini hanya tersimpan dalam kenangan.

Kini sudah 21 tahun berlalunya peristiwa serangan di menara WTC di New York. Keadaannya sudah jauh berbeza – surat khabar semakin mengecil. Persaingan yang

tidak terlwan daripada sudut kepantasannya dengan media baharu menjadi puncanya.

Adakah hayat surat khabar boleh dilanjutkan dalam persaingan sengit ini? Saya fikir masih boleh dilakukan supaya kepupusan surat khabar diperlahankan. Surat khabar masih relevan kalau pengisinya tidak mengulang berita yang disiarkan di media baharu.

Hari ini kalau saya menjadi ketua editor surat khabar, saya tidak akan menyiar berita. Berita hanya disiarkan di media baharu dalam masa sebenar (*real time*). Hari ini kebanyakan berita di surat khabar sudah basi – lebih 10 jam. Pada era media baharu terlambat siar 15 daripada masa kejadian pun sudah dianggap ketinggalan.

Surat khabar dalam impian saya hanya menyiar tulisan berbentuk wacana yang tidak banyak di media baharu. Wacana untuk yang tekun membaca dan surat khabar adalah tempatnya. Kalau hendak siarkan berita pun yang eksklusif, bukan ucapan dan kenyataan orang politik yang sudah basi.



MENGUPAS OGOS

Pra ulang tahun merdeka ada yang menyusun kibarkan bendera membina tugu dari jalur gemilang suatu penghormatan dan ingatan masa lalu bersama mekarnya jati diri dan patriotisme warga.

Hari ulang tahun merdeka menyaksikan cahaya dan warna diperagakan oleh kebijaksanaan semangat dalam perarakan bangga negara tercipta bangun dengan citra indah dijunjung dengan setia dan taat perjuangan demi watan berkila prisma kebahagiaan.

Pasca ulang tahun merdeka jangan dibiarakan kibaran benua laungan dihanyutkan waktu berlarilah bersama angin di tangan ada genggaman hasrat di hati ada harapan sejahtera di akal ada sumbangsara saujana.

Setiap kali ulang tahun merdeka rumuslah kenangan dan simpulkan pengalaman.

Solihin Osman
Dangau Seni, Kangar.

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR

SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Sampah kita, pelancong asing kutip!

TERKEDU dan terharu perasaan Adi apabila melihat seorang pelancong dari Kanada, Bruce Benson, mengutip sampah di kawasan Dataran Merdeka dan mengumpulnya dalam beg sampah plastik hitam untuk dibuang.

Insiden ini berlaku pada Sambutan Hari Kebangsaan hujung bulan lalu. Video sikap murni nelayan dari Kanada ini tular di media sosial. Bruce Benson memang jenis tidak suka melihat sampah bersepeh dan akan mengambil inisiatif sendiri mengutipnya.

Sampah sarap siapa yang dikutip oleh pelancong ini di Dataran Merdeka ini? Tidak lain sampah yang dibuang merata-rata oleh orang ramai, rakyat Malaysia yang datang menyaksikan sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan ke-65.

Sambutan orang ramai luar biasa ramainya tahun ini. Kerana itu sampah juga banyak kerana ramai tidak bertanggungjawab membuangnya sesuka hati.

Jika rakyat Malaysia tidak malu dengan perlakuan mereka dan tidak malu orang asing mengutip sampah buangan mereka, Adi secara peribadi berasa sangat malu. Seorang warga asing sanggup mengutip sampah sarap sedangkan rakyat negara ini membuangnya sesuka hati.

Menurut Benson, memang amalannya apabila berkunjung ke negara lain mengutip sampah yang dibuang merata-rata sebagai menghormati negara tersebut dan rakyatnya. Dia menyifatkannya sebagai aspek kemanusiaan. Apa juga bangsa atau pegangan agama, kebersihan adalah ciri utama kehidupan, kerana itu sepatutnya menjadi amalan berterusan sepanjang masa.

Tidak malukah kita jika seorang warga asing menghormati negara kita dan aspek kebersihan sedangkan kita sendiri mengabaikannya?

Pada Adi, gejala ini menyerlahkan kesedaran sivik di kalangan sebahagian rakyat Malaysia masih rendah. Tabiat membuang sampah merata-rata masih menebal dalam diri. Sikap tidak peduli kebersihan persekitaran belum dapat dikenal, walhal kekotoran berbahaya kepada kesihatan.

Orang ramai memandang ringan aspek ini kerana sikap ‘tidak apa’. Apabila ramai mengambil sikap ini, sampah yang dibuang merata-rata juga banyak bersepeh. Pada pelaku, itu bukan masalah mereka, apakah lagi menyedari akan ada pekerja yang membersihkannya.

Kali ini kebetulan seorang pelancong luar melakukan pembersihan. Perbuatan ini memalukan bukan hanya kerana



BRUCE Benson mengutip sampah di Dataran Merdeka. Foto: sumberkini.my

orang asing mengutip sampah, tetapi rakyat negara ini telah memamerkan kepadanya betapa buruknya sikap rakyat negara ini suka membuang sampah merata-rata, di mana-mana.

Kerap kali walaupun di kawasan terabit disediakan tong sampah, ramai membutakan mata kerana malas berjalan mendapatkan tong tersebut. Bukanlah lebih mudah membuang sampah itu di tempat mereka duduk atau berdiri?

Pengalaman Adi yang pernah berkunjung ke luar negara, menyaksikan betapa penduduknya begitu menjaga kebersihan, membuang sampah hanya di tempat disediakan. Mereka sanggup berjalan jauh mendapatkan tong sampah. Atau mereka simpan dahulu sampah dalam beg untuk dibuang kemudian.

Kerana itu sukar melihat sampah di kaki lima, atas jalan, taman-taman dan sebagainya.



BRUCE BENSON

Seumur dibuang di tempat sepatutnya. Inilah gambaran kesedaran sivik yang tinggi dan harus diterapkan dalam diri masyarakat Malaysia.

Negara telah merdeka 65 tahun, tetapi disiplin dan kesedaran sivik masih terbelenggu. Malaysia negara maju dengan pelbagai kemudahan kelas pertama disediakan untuk rakyatnya.

“Orang ramai memandang ringan aspek ini kerana sikap ‘tidak apa’. Apabila ramai mengambil sikap ini, sampah yang dibuang merata-rata juga banyak bersepeh. Pada pelaku, itu bukan masalah mereka, apakah lagi menyedari akan ada pekerja yang membersihkannya.”

Tetapi tiada guna jika rakyatnya masih mempunyai minda kelas ketiga, hingga menjaga kebersihan pun tidak mampu dilakukan.

Apa ertiannya bangunan pencakar langit, taman dan tempat rekreasi yang hijau menawan, atau pusat beli-belah yang besar jika dicatatkan dengan pemandangan sampah merata-rata?

Kini setelah muncul video tular Benson mengutip sampah, tidak bolehkah ia dijadikan contoh teladan untuk mengubah sikap menjadi orang yang lebih berdisiplin, bertanggungjawab dan tidak mencemarkan alam sekeliling? Ubahlah minda.

Wajar Adi sebutkan bahawa isu membuang sampah sesuka hati ini sudah menjadi isu berterusan di ibu kota. Pergi ke taman dan pusat rekreasi ada sampah, pergi kedai makan ada sampah, pergi ke pasar ada sampah dan macam-macam lagi.

Jika semua pihak memahami dan menerima hakikat bahawa membuang sampah merata-rata adalah perbuatan buruk, gejala ini tidak akan wujud. Tetapi kerana sikap yang sudah menebal dalam diri sejak dahulu menyebabkan orang ramai terus melakukan apa yang dilakukan selama ini.

Kesedaran sivik mestilah datang daripada dalam diri tanpa dipaksa. Benar, membuang sampah merata-rata boleh diambil tindakan oleh pihak pengawal kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Tetapi lebih baik jika kesedaran lahir daripada diri sendiri. Percayalah, kesannya lebih positif. Jangan terlalu terikat dengan undang-undang untuk melakukan sesuatu yang baik.

Adi ingin bertanya, jika berada di rumah sendiri, adakah akan membuang sampah merata-rata di dalam rumah serta mengotorkan sekeliling rumah? Mungkin tidak kerana tidak mahu rumah berselerak dengan sampah.

Jika itu keadaannya, maka ingatlah untuk tidak melakukannya di tempat lain. Jangan jika di rumah perangai dan sikap lain, tetapi di luar sikap berubah. Rumah sendiri mahu sentiasa bersih, tempat lain tidak peduli.

Jika di rumah memang pengotor, maka buanglah sampah sesuka hati di rumah sendiri sahaja. Jangan amalkan perkara tidak bertamadun ini di tempat lain. Pekerja kebersihan yang terpaksa bertungkus lumus membersihkan kekotoran itu bukan khadam anda. Jangan sesuka hati menyusahkan mereka.

Justeru, tajamkan minda dan perbaiki kelakuan. Jangan abaikan kebersihan. Ibu negara adalah kota yang terkenal di meratas dunia. Sebagai bandar raya yang maju dan makmur, ia sepatutnya menjadi contoh sebuah kota yang bukan sahaja moden tetapi juga bersih cantik berseri, sejuk mata memandang.

Hasrat ini hanya akan menjadi kenyataan jika semua berganding bahu. Tingkatkan kesedaran sivik bukan sahaja dalam aspek kebersihan tetapi juga pelbagai aspek kemasyarakatan yang lain.

Bruce Benson sudah pulang ke Kanada. Sebagai nelayan, dia perlu pulang ke negaranya untuk menangkap ikan. Namun dia nyata suka kepada Malaysia sebagai sebuah negara cantik. Jika tidak kerana kerja, dia mahu tinggal lebih lama. Jika ada kesempatan dia akan datang lagi.

Semoga contoh baik yang ditunjukannya akan menyemai benih kesedaran kepada rakyat Malaysia mengutamakan kebersihan. Diharap apabila Bruce Hanson datang sekali lagi nanti, dia tidak datang untuk mengutip sampah!

Adi—Suka kebersihan

Adi Feah

SAJAK

Teruslah berkibar
(Selamat Hari Malaysia)

Jalur Gemilang
teruslah berkibar
walau angin dilanda kemarau

Jalur Gemilang
janganlah gusar
walau mega kelam merenung tajam

Jalur gemilang
usahalah gentar
Walau ribut datang menerkam

Jalur gemilang
Tetaplah tegak
Walau gempa berlaku

Kerana kau
adalah keramat
14 negeri dan wilayah terhormat
Malaysia berdaulat

A. Affendi0937 @ Lekir
Lake view home

SKETSA



YWP peruntuk RM12,000 untuk 18 atlet WP

Bantu persediaan masuk universiti

DIANA AMIR

SERAMAI 18 atlet Wilayah Persekutuan menerima Surat Tawaran Skim Bantuan Awal IPT oleh Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dalam Majlis Penyampaian Bantuan Pentadbiran kepada Persatuan Sukan Di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kuala Lumpur 2022 baru-baru ini.

Bantuan sebanyak RM12,000 disampaikan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim bagi meringankan beban para pelajar yang akan menyambung pelajaran di peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT).

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif YWP, **Datuk Zaizalnizam Zainun**, bantuan tersebut bagi memastikan anak-anak Wilayah Persekutuan tidak tercincir dalam bidang pelajaran



ZAIZALNIZAM

selain meringankan beban mereka yang berasal daripada keluarga berpendapatan rendah.

“Di bawah skim ini, permohonan atlet-atlet yang mewakili Wilayah Persekutuan dalam sebarang kejohanan di peringkat kebangsaan adalah layak untuk diberikan pertimbangan khas jika telah mendapat surat tawaran kemasukan ke IPT,” ujar beliau.

“Skim ini terbuka kepada anak-anak Wilayah Persekutuan yang telah mendapat tawaran kemasukan sepenuh masa ke mana-mana

Institut Pengajian Tinggi Awam/Swasta dalam dan luar negara bagi pengajian peringkat Diploma, Ijazah Pertama (Sarjana Muda), Sarjana (Master) dan Kedoktoran Falsafah (PhD),” kata beliau.

Tambah beliau lagi, bantuan yang diberikan membantu para pelajar membuat persediaan kemasukan ke IPT khususnya pada



ANTARA pelajar yang menerima Surat Tawaran Skim Bantuan Awal IPT baru-baru ini.

semester pertama pengajian yang memerlukan belanja yang banyak.

“Diharapkan ia dapat dijadikan sebagai pencetus semangat buat para atlet yang lain juga agar terus berjaya bukan sahaja dalam bidang sukan tetapi seiring dalam akademik juga,” ujar beliau lagi.

Bagi mereka yang belum

memohon, bolehlah melakukan sedemikian dengan melayari laman sesawang YWP di www.yayasanwp.org.my untuk permohonan secara dalam talian. Permohonan dibuka sepanjang tahun.

Terdahulu, objektif skim bantuan ini diwujudkan adalah untuk membantu meringankan

Info ADUAN DBKL Tel : 03-2617 9000 	Perbadanan Putrajaya Tel : 03-8887 7000 Aduan : 03-8887 3000 	Perbadanan Labuan Tel : 087-408600 Aduan : 087-408852 	Wilayahku WhatsApp : 011-5958 7489
--	---	--	---

keluarga berpendapatan rendah di Wilayah Persekutuan untuk mendaftar anak mereka ke IPT.

Antara syarat permohonan adalah pemohon merupakan warganegara Malaysia yang menetap di Wilayah Persekutuan dan pendapatan per kapita keluarga pemohon ialah RM1,000 ke bawah. **WK**

KFC rai merdeka bersama 65 rumah, organisasi kebajikan

HAZIRAH HALIM

SEMPENA meraikan ulang tahun Kemerdekaan ke-65 Malaysia, KFC di bawah syarikat operasinya, QSR Brands (M) Holdings Bhd menghantar 6,500 hidangan makanan kepada 65 rumah dan organisasi kebajikan di seluruh Malaysia.

Hidangan tersebut diagihkan kepada golongan kurang bernasib baik untuk menyebarkan kegembiraan dalam kalangan semua rakyat Malaysia pada 31 Ogos lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan QSR Brands (M) Holdings Bhd, **Nehchal Khanna** berkata pihaknya bersama terpanggil untuk berkongsi semangat kemerdekaan bersama golongan kurang bernasib baik menerusi inisiatif Add Hope yang dilaksanakannya.

“Hari Merdeka merupakan hari



SEBAHAGIAN kanak-kanak gembira menerima hidangan KFC baru-baru ini.

yang istimewa untuk semua rakyat Malaysia, oleh itu kami merasa terpanggil untuk berkongsi semangat ini dengan mereka yang kurang bernasib baik.

“Di saat negara semakin pulih daripada cengkaman COVID-19 dan bebas untuk menyambut perayaan di seluruh negara, kami ingin menyebarkan kegembiraan

dan melakar kenangan indah bersama-sama golongan ibu menerusi inisiatif Add Hope kami.

“Antara rumah kebajikan yang berpeluang berkongsi kegembiraan tersebut adalah SHELTER home for Children, Persatuan Orang Buta Malaysia, Good Samaritan Home dan Pusat Jagaan Kanak-Kanak Sinar Suria Sabah,” kata beliau.

Tambah beliau, Hari Merdeka juga memberi peluang kepada masyarakat untuk mengingati dan mengamalkan nilai-nilai kekeluargaan dan semangat perpaduan kaum di Malaysia.

“Sejak dahulu lagi, hidangan KFC telah menjadi sebahagian daripada kehidupan rakyat Malaysia dan telah mewarnai pelbagai sambutan dan keriaan.

“Kami mahu berkongsi kegembiraan ini bersama

seluruh rakyat Malaysia dengan menghantar makanan ke 65 rumah awal dan organisasi tersebut,” jelas beliau lagi.

Mengulas lanjut mengenai penubuhan sebenar Program Add Hope Malaysia, Nehchal menjelaskan ia adalah inisiatif jangkauan komuniti berterusan yang pertama kali dimulakan pada tahun 1997 dan telah menyediakan hampir empat juta hidangan di seluruh Malaysia.

“Program ini juga merupakan sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporat global KFC untuk mengetengahkan dan memacu tindakan dalam gerakan menamatkan kelaparan di dunia dengan meningkatkan wang kutipan setiap tahun untuk Program Makanan Sedunia oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). **WK**

Ganjaran sehingga RM500,000 menanti pengunjung bertuah Suria KLCC

KEMPEN ‘The Golden Ticket’ kini kembali di Suria KLCC dengan ganjaran sehingga RM500,000 untuk dimenangi bermula 18 September 2022.

Ketua Pegawai Eksekutif Suria KLCC, **Andrew Brian** berkata Kempen ‘The Golden Ticket’ kembali buat kali ketiga lanjutan dari sambutan hebat pada tahun 2020 dan 2021.

“Kami amat berbesar hati kembali dengan Kempen ‘The Golden Ticket’ pada tahun ini. Ia menerima sambutan yang sangat hebat pada tahun-tahun yang lepas. Untuk itu, kami berusaha memastikan hampir

kesemua pelanggan yang berbelanja akan membawa pulang ganjaran,” katanya beliau.

Tambah beliau, dua baucar beji-beji bernilai RM5,000 akan diberikan setiap hari sepanjang tempoh kempen tersebut.

“Pelanggan yang berbelanja RM500 dan ke atas dalam dua resit dari mana-mana kedai terpilih berpeluang untuk menyertainya. Sebanyak 100 kotak misteri akan ‘dihadangkan’ di Centre Court di mana salah satu kotak tersebut terdapat sekeping ‘Golden Ticket’.

“Para pemenang ‘Golden Ticket’ akan diraikan dengan pengalaman

mengambil gambar di laman ‘The Wall of Winners’ di mana gambar dan video pemenang bertuah akan dilayarkan di skrin digital berputar yang berlokasi di Centre Court.

“Sementara itu, bagi mereka yang tidak berjaya akan tetap menerima ganjaran ‘Purple Ticket’ bernilai RM50,” ujar beliau.

Tambah beliau lagi, dua pemenang bertuah akan dipilih secara rawak melalui dua sesi cabutan yang mana cabutan pertama akan diadakan pada pukul 10 pagi hingga 2 petang manakala sesi cabutan kedua akan berlangsung pada pukul 5 petang hingga 9 malam. **WK**



PENGUNJUNG bertuah berpeluang memenangi ‘Golden Ticket’ yang berada dalam salah satu kotak misteri.

REALITI KEHIDUPAN

RODA KOTA

9-15 SEPTEMBER 2022. Bil 181

Wilayah Ku

Ekspresi seni di Jalan TAR



PENGUNAAN kenderaan di bandar raya semakin meningkat dari sehari ke sehari. Tanpa kawalan dan sistem pengangkutan awam yang sistematik, ia menjadi punca kesesakan dalam bandar dan menghasilkan karbon sekali gus meningkatkan pencemaran

alam sekitar, gangguan terhadap sistem sosial dan nilai estetika serta mempengaruhi gaya hidup warga kota.

Masalah yang telah berlarutan berdekad lalu mendorong perancang bandar untuk memeriahkan idea untuk mentransformasikan sesebuah bandar raya ke arah manpan serta menepati

kONSEP baharu bandar raya bebas kenderaan demi menghidupkan budaya masyarakat sihat.

Penggunaan kenderaan di dalam bandar sememangnya menjadi amalan orang ramai disebabkan pelbagai faktor, namun jumlah trafik yang meningkat telah menyebabkan

gangguan kepada bandar raya dan menjadikan kualiti hidup orang ramai disebabkan pencemaran bunyi, udara dan alam sekitar sehingga berpotensi mengorbankan manusia setiap tahun.

SAMBUNGAN DI MUKA 10



Jalan TAR Bebas Kenderaan Bermotor setiap Ahad



FOTO: AMIN FARUJ HASAN
AZLAN ZAMBRY

DARI MUKA 9

DI atas faktor tersebut, ia menjadi cabaran untuk perancang bandar atau perancang pengangkutan bagi merintis langkah untuk menggantikan penggunaan kenderaan bermotor dalam bandar. Walau bagaimanapun sudah pasti ia melibatkan kos dan tidak kurang juga penerimaan komuniti terhadap pembaharuan tersebut juga perlu diambil kira.

Konsep baharu yang perlu dilakukan perancang bandar adalah meliputi penyediaan sistem pengangkutan awam yang sistematik agar dapat menghubungkan kawasan

tumpuan dengan penempatan bagi memastikan kesalinghubungan dalam perkhidmatan yang disediakan.

Sebagai pentadbir bandar raya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyasarkan untuk menurunkan karbon sehingga 70 peratus pada tahun 2030 seperti yang terkandung di dalam Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030 tampil dengan idea menutup Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) kepada kenderaan pada setiap Ahad bermula 28 Julai lalu.

Pengarah Jabatan Perancangan Infrastruktur (JPIF) DBKL, **Nor Fajariah Sulaiman** berkata usaha DBKL menutup Jalan TAR dan mengisyiharkan sebagai Kawasan Bebas Kenderaan adalah untuk menggalakkan orang ramai berjalan kaki dan menjadikannya sebagai

kawasan riadah baharu untuk warga kota.

“Pelaksanaan Jalan TAR sebagai kawasan bebas kenderaan bertujuan untuk mengurangkan bilangan kenderaan di jalan raya yang selama ini mencemarkan kualiti udara akibat dari pelepasan karbon yang dikeluarkan dari kenderaan bermotor.

“Ia juga menjadikan kawasan itu sebagai lokasi baharu untuk warga Kuala Lumpur dan kawasan sekitar beriadah dengan pelbagai aktiviti kesenian dan kebudayaan yang sesuai untuk seisi keluarga,” katanya kepada *Wilayahku* pada Rabu.

Beliau berkata idea awal bagi menjadikan kawasan tersebut bebas kenderaan diilhamkan oleh Datuk



NOR FAJARIAH

Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah yang mahukan sebatang jalan raya di kawasan tersebut untuk dijadikan projek perintis dan ia melibatkan beberapa jabatan.

“Pada peringkat awal, Datuk Bandar telah mengarahkan saya dan JPIF untuk memulakan kerja awal bagi memastikan ianya berlaku pada 28 Ogos yang lalu. Jabatan Pengangkutan Bandar telah bergerak lebih awal untuk melaksanakan penyelidikan dari segi penutupan jalan bagi memastikan apabila program itu dilaksanakan ia tidak menimbulkan kacau ganggu dan kesesakan,” katanya.

Menjelas lanjut, Nor Fajariah

berkata, melalui penelitian, pihaknya mencadangkan agar Jalan TAR dipilih sebagai projek perintis disebabkan beberapa faktor termasuklah ia mudah dihubungkan dengan dua buah stesen Light Rapid Transit (LRT), sebuah stesen komuter serta mempunyai laluan siar kaki atau pedestriant yang luas.

“Selain itu, laluan kenderaan ke kawasan ini kebanyakannya merupakan *pass through* dan bukan untuk kenderaan masuk ke premis deretan bangunan kedai-kedai. Walau bagaimanapun bagi aktiviti punggah-memunggah atau kecemasan, pengguna kenderaan masih mempunyai laluan alternatif untuk ke kawasan ini iaitu menggunakan Lorong Tunku Abdul Rahman (TAR) atau Lorong Gombak.

“Kawasan ini juga merupakan kawasan tumpuan pengunjung



dengan aktiviti membeli-belah di kedua belah jalan yang mana penutupan laluan kenderaan akan menjadikan kawasan lebih mesra kepada pengunjung dapat berjalan dengan selamat dan selesa," katanya.

Katanya, penutupan jalan ini sebagai satu transformasi dari kawasan yang sesak dengan kenderaaan bermotor telah bertukar menjadi *streetwalk* yang sesak dengan pejalan kaki.

"Kawasan itu juga menjadi lebih menarik kerana mempunyai ruang yang luas untuk mengadakan pengisian seperti persembahan jalanan berupa aktiviti kesenian dan kebudayaan yang tidak akan mengganggu laluan pejalan kaki sedia ada. Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan Dan Sukan (CATS) bertindak sebagai penyelaras untuk pengisian sepanjang program itu berlangsung.

"Penutupan jalan ini juga mempunyai kesinambungan dengan Projek Pembangunan Lanai Seni di bawah kendalian Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan yang terletak bersebelahan dengan Pawagam Coliseum. Pembangunan Lanai Seni yang merupakan projek pengindahan landskap akan menjadi hub bagi tarikan pengunjung ke kawasan ini di masa akan datang," katanya.

Menurut Nor Fajariah, penutupan sebahagian Jalan TAR dari simpang Jalan Esfahan sehingga ke Jalan Melayu melibatkan hampir 500 meter itu menjadikan ia mesra kepada pejalan kaki.

"Galakan budaya berjalan kaki di kalangan warga kota ini juga selaras dengan hasrat menjadikan Kuala Lumpur sebuah Bandar Sihat (*Health City*) yang membolehkan

penduduknya menerapkan gaya hidup sihat melalui konsep keinginan untuk berjalan," katanya.

Nor Fajariah berkata bagi menyokong dan merealisasikan program penutupan jalan ini berjalan lancar, beberapa sesi libat urus telah dilaksanakan oleh DBKL bersama beberapa pihak berkepentingan.

"Dalam pertemuan itu, BARA (Batu Road Retail Association), yang mewakili pemilik premis perniagaan di kawasan ini tiada halangan dan menyambut baik terhadap cadangan penutupan Jalan TAR ini. Walau bagaimanapun, pihak DBKL diminta untuk mengawal agar aktiviti dibenarkan tidak menimbulkan persaingan kepada jualan di kedai-kedai sedia ada yang boleh menjasakan perniagaan mereka.

"Selain itu, pekedi juga tidak

membenarkan aktiviti *food truck* di kawasan penutupan jalan ini," katanya.

Beliau memberitahu, meskipun banyak bandar raya di seluruh dunia turut melaksanakan inisiatif tersebut, Kuala Lumpur menggunakan acuan sendiri dalam melaksanakan program ini berteraskan kepada kepelbagaiannya kaum dan bangsa dalam negara.

"Kalau dilihat dari pengisian, saya pasti CATS telah mempunyai perancangan tersendiri untuk menjadikan kawasan itu lebih menarik dan ia akan menggunakan unsur kesenian dan budaya di dalam kaum dan bangsa yang ada.

"Berbanding bandar raya di negara lain, New York atau Denver misalnya, mereka menjadikan kawasan tersebut sebagai pusat pertemuan dan bersantai disebabkan faktor cuaca.

Berbanding negara kita yang agak panas, maka pengisian berbentuk kesenian dan kebudayaan dilihat sesuai," katanya.

Ujar Nor Fajariah, kawasan tersebut dijenamakan dengan nama Santai Seni@TAR dan pengisian aktiviti berbentuk seni dan budaya yang dicadangkan dapat memberi penjenamaan semula kawasan tersebut.

"Kawasan ini bukan saja sebagai tempat pengunjung untuk membeli belah tetapi juga tarikan sebagai kawasan ruang awam baru untuk warga kota bersantai dengan keluarga di hujung minggu.

"Mereka dapat menyaksikan persembahan pemuzik jalanan, persembahan seni kreatif, pelukis jalanan, seni kraf tangan, lukisan hiasan inai serta pelbagai lagi di persekitaran yang selesa dan mesra kepada pejalan kaki," katanya. WK



PELBAGAI acara kesenian diadakan untuk menarik perhatian pengunjung.

Peluang tambah rezeki untuk penggiat seni jalanan

PROGRAM Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) Bebas Kenderaan Bermotor yang bermula pada 28 Ogos lalu dilihat mampu menarik minat warga kota dan kawasan sekitar menjadikan lokasi ikonik itu sebagai kawasan riadah sekali gus mampu menarik kehadiran pelancong dalam dan luar negara merasai tarikan baharu di tengah bandar raya.

Inisiatif ini juga dilihat sebagai serampang dua mata apabila pengisian untuk Program Jalan TAR Bebas Kenderaan turut memberikan peluang kepada penggiat seni seperti kumpulan *busker* dan pelukis untuk mengetengahkan bakat serta hasil seni sekali gus boleh meraih pendapatan tambahan setelah dua tahun dihimpit kesulitan akibat pandemik COVID-19.

Bagi Mohd Nasir Azman yang merupakan pelukis karikatur,

inisiatif Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) itu telah membuka peluang yang terbaik untuk golongan sepertinya menambah pendapatan tanpa mengenakan sebarang bayaran.

"Sebenarnya inilah *initif* yang amat dinanti-nantikan oleh golongan seperti saya. Dengan penutupan Jalan TAR yang sebelum ini kita ketahui ianya sibuk dan padat dengan orang ramai, ia menjadi sumber rezeki baharu untuk golongan seperti kami menambah pendapatan.

"Jujurnya sambutan yang diterima juga amat menggalakkan dan mungkin minggu ini adalah cuti hari minggu dan cuti penggal persekolahan, namun kami bersyukur kerana hasil tempahan agak bagus dan ia menggembirakan kami," katanya.

Katanya, beliau dan rakan-rakan pelukis yang bernaung di



MOHD NASIR

RON

bawah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Karyawan merupakan golongan seni yang berdaftar dengan DBKL dan dijemput untuk memeriahkan Jalan TAR.

"Kami dijemput dan memberikan khidmat melukis karikatur kepada pengunjung Jalan TAR. Sepanjang di sini, kami tidak dikenakan sebarang bayaran malah kerusi, meja dan kanopi turut disediakan oleh pihak DBKL secara percuma.

"Selain itu DBKL juga akan

membantu menarik lebih ramai pengunjung sekali gus kawasan ini berpotensi untuk golongan seni seperti kami menambah pendapatan," katanya.

Penyanyi *busker* yang mahu dikenali sebagai Ron dari kumpulan Kronis pula berpendapat, inisiatif DBKL ini jelas tidak

meminggirkan golongan penghibur jalanan sepertinya memandangkan sebelum ini beliau dan kumpulannya terpaksa berpindah-pindah tempat untuk menghiburkan orang ramai.

"Apabila kami dijemput untuk memeriahkan kawasan Jalan TAR, ia sesuatu yang menggembirakan kerana segala kemudahan telah disediakan serta tiada sebarang bayaran dikenakan kepada *busker* seperti kami.

"Untuk suasana hari

pertama ini, saya merasakan ianya mendapat sambutan menggalakkan dan orang ramai dilihat gembira kerana kawasan ini tidak lagi sesak dengan kenderaan dan orang ramai dapat beriadah dengan gembira," katanya.

Beliau turut melahirkan harapan agar DBKL dapat memperluaskan lagi kawasan larangan untuk kenderaan sekali gus membuka peluang kepada penggiat seni jalanan seperti memamerkan bakat dan memperolehi pendapatan tambahan.

"Saya harap sekiranya boleh dipertimbangkan DBKL, saya ingin mencadangkan agar Jalan Bukit Bintang turut dijadikan kawasan bebas kenderaan kerana ia kawasan tumpuan pelancong sama seperti Jalan TAR dan akses keluar dan masuk melalui pengangkutan awam juga sudah tersedia," katanya. WK





MENTERI Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, menyerahkan bendera Wilayah Persekutuan kepada Ketua Setiausaha KWP merangkap Ketua Kontinjen, Datuk Seri Rosida Jaafar sempena SUKMA ke-20.



BARISAN atlet SUKMA Wilayah Persekutuan turut hadir, memeriahkan Majlis Penyerahan Bendera dan Memperkenalkan Maskot SUKMA Wilayah Persekutuan yang dirasmikan oleh Shahidan Kassim.



DATUK Seri Dr Shahidan Kassim (lima dari kiri) diiringi Datuk Seri Rosida Jaafar (empat dari kiri) dan Datuk Fadlun Mak Ujud (tujuh dari kiri) bergambar bersama para peserta yang menjayakan Royal Floria Putrajaya 2022 selepas selesai Majlis Perasmian Penutup Festival Bunga dan Taman Diraja Putrajaya 2022. - FOTO FARIS AZMI (PPj)



Betul ke Puteri Balqis mangsa gangguan seksual bapa sendiri?



DEEL ANJER

RAMAI terkejut dan simpati terhadap pelakon remaja, Puteri Balqis apabila dia mendakwa pernah menjadi mangsa gangguan seksual oleh bapa kandungnya sendiri.

Balqis membuat pendedahan yang mengejutkan ramai pihak itu ketika ditemu bual oleh 'Bros Gang TV' baru-baru ini.

Dakwanya, dia pernah menjadi mangsa gangguan seksual ayah kandung sendiri.

Melalui pengakuan tersebut, dia

dan ibu, Norashikin Mohd Aziz atau Ashikin dikatakan ditekan secara mental dan fizikal oleh bapanya sejak dari kecil sehingga ibu serta bapanya berpisah.

Selain mengalami gangguan seksual oleh bapa kandungnya sendiri, dia dan ibu juga perlu berdepan dengan jenayah yang pernah dilakukan oleh lelaki itu.

Pendedahan tersebut membuatkan ramai netizen bersympati dan tidak menyangka Balqis begitu cekal berhadapan dengan dugaan hidup sejak kecil.

Namun tidak kurang juga ada yang mempertikaikan tindakan Balqis yang mendedahkan aib bapa kandungnya



sendiri.
Malah, ada netizen mendakwa apa yang didedahkan oleh Balqis tidak boleh dipercayai bulat-bulat.

Isu ini menjadi lebih 'panas' apabila seorang lelaki yang dikatakan ayah kepada Balqis membuat laporan polis dan menafikan apa yang didedahkan oleh Balqis.

Bagi Wilayahku, jika betul apa yang dikatakan Balqis, memang bapanya wajar menerima balasan setimpal.

Namun, jika pendedahan itu tidak benar atau ditokok tambah, harapnya mereka dapat selesaikan secara baik. Kita doakan yang baik-baik saja ya!

W.K



BALQIS (kanan) bersama ibunya Norashikin.

ANAK penyanyi Mas Idayu, **Nur Dayini Asyiqah**, 25, mengaku teruja untuk melihat ibunya naik pelamin sekali lagi pada 16 September ini setelah lama hidup sebagai ibu tunggal.

Dayini berkata perasaan gembira ibunya juga membuatkan dirinya tidak sabar untuk menerima ayah baharu.

"Nampak sangat Mummy berseri-seri menjelang majlis bermaknanya itu. Dalam pada teruja, nampak jugalah rasa gundahnya tapi Mummy memang beria jayakan setiap majlis yang diatur buatnya."

"Sebagai orang yang paling setia berada di sisiinya, saya dapat rasakan kebahagiaannya."

"Saya pun tak sabar terima 'Daddy' baru meskipun hakikatnya sudah kenal



MAS Idayu (kanan) dan anaknya, Nur Dayini.

Anak Mas Idayu tak sabar tunggu 'Daddy' baru

rapat dengannya," katanya.

Baru-baru ini Mas Idayu atau nama sebenarnya Masidayu Mesnun, 50, mengadakan majlis bersiram air bunga di sebuah hotel terkenal di Kuala Lumpur.

Penyanyi yang lebih mesra dipanggil Mummy ini juga bersyukur dibanjiri tajaan.

"Tajaan kini hampir mencérah RM8 juta dan masih ada banyak yang masuk. Saya terpaksa menolak tawaran termasuk yang datang dari utara tanah air memandangkan sudah menetapkan untuk mengambil tajaan yang terdahulu.

"Saya tak nafikan memang sekarang ibarat makam tak kenyang, tidur tak lena menghitung hari menjelang majlis nikah nanti. Syukur sangat saya cuma perlu 'bawa badan' kerana tajaan sudah

lengkap pada majlis itu," katanya.

Terdahulu, Mas Idayu mengumumkan bakal bernikah dengan lelaki pilihan juga Penerbit Eksekutif TV3, Muhammad Sufian Che Isa, 51, pada 16 September ini.

Mereka turut mendapat tajaan perkahwinan bernilai RM7 juta daripada pelbagai pihak merangkumi lokasi, katering, busana dan aksesori.

Majlis pernikahan itu juga bakal diadakan di Magica Quill City, Kuala Lumpur, pukul 9 pagi dan pada sebelah malam pula akan diadakan majlis resepsi dengan tema 'fairy tale' dengan tetamu jemputan seramai 320 orang.

Mas Idayu dan Sufian saling mengenali sejak Program Mentor 3 pada 2008 lalu dan baru menjalin hubungan serius pada tahun ini.

Penyanyi lagu Cinta 100% ini pernah mendirikan rumah tangga dengan pelakon Aman Graseka pada 1997 dan bercerai pada 2006. Hasil perkahwinan itu, mereka dikurniakan seorang anak perempuan, Dayini.



Aliff Iskandar tidak kecewa

PENCAPAIAN bakat muda yang semakin meningkat naik namanya, penyanyi serta komposer, **Aliff Iskandar**, 22, boleh dibanggakan apabila lagu ciptaananya, Bahagiakan Dia nyanyian Shila Amzah dan Liza Hanim tersenarai ke peringkat akhir Anugerah Industri Muzik (AIM 23).

Meskipun lagunya yang dinyanyikan sendiri gagal tercalon, Aliff atau Nor Aliff Iskandar Norazmi tetap berbangga dengan pencapaian julung kalinya menjadi finalis pada majlis anugerah berprestij tersebut.

"Jujurnya, saya tak terkilan pun apabila lagu nyanyian sendiri gagal tercalon dalam penganjuran kali ini."

"Tetapi rasa lebih bangga sebaiknya menyaksikan karya ciptaan saya lolos ke senarai akhir lima terbaik, malah dinyanyikan oleh dua penyanyi ternama tanah air."

"Apatah lagi, lagu nyanyian mereka berdua berjaya dalam dua kategori iaitu Runut Bunyi (OST) Terbaik Dalam Drama/Filem dan Persembahan Duo/Kolaborasi Terbaik Dalam Lagu."

"Jelas sekali kejayaan ini lebih bermakna dan membanggakan!" ulasnya yang juga merupakan seorang guru pendidikan khas.

"Umur aku dah dekat 50, memanglah suara ke laut sikit" – Ifa Raziah

PENYANYI popular **Ifa Raziah** membidas kritikan seorang guru vokal muda, Shaffiq Erwin terhadap nyanyiannya dalam program realiti terbaru terbitan TV3, *Terpaling Juara* yang berlangsung minggu lalu. Menurut Ifa, dia mengakui faktor usia menjangkau 50 tahun menjadi punca vokalnya kurang solid. "Kau siapa nak tegur aku ni

nyanyi sumbang atau tak? Aku tak kenal kau pun dalam industri ni. Umur aku dah dekat 50, memanglah suara kadang-kadang ke laut sikit.

"Kau suruh emak kau nyanyi, aku nak tengok. Semua artis akan lalui fasa ini apabila mereka sudah berumur, baik Hollywood, Kollywood atau Greenwood.

"Semua yang dulu suara

macam suara 20 atau 30 tahun yang lalu. Jadi, hormatlah kami yang tua ini," luahnya yang berharap jangan membandingkan penyanyi senior dengan penyanyi remaja.

Terdahulu, menerusi video YouTube milik F8Buzz, Shaffiq diundang untuk memberikan reaksinya mengenai nyanyian para peserta Program *Terpaling Juara*.



Agensi Nuklear Malaysia 50 tahun mengorak langkah



DIANA AMIR

SEJAK ditubuhkan pada tahun 1971, Agensi Nuklear menjalankan pelbagai peranan penting dalam mengembangkan penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi dalam bidang sains teknologi nuklear di Malaysia sekali gus mencapai kejayaan cemerlang di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Bagi mengetahui lebih lanjut tentang hala tuju Agensi Nuklear Malaysia, **Wilayahku** menemu bual Timbalan Ketua Pengarah Program Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi, **Dr Rosli Darmawan** sempena Sambutan 50 tahun Nuklear Malaysia.

WILAYAHKU: Boleh Dr kongsikan dengan lebih lanjut tentang sejarah penubuhan Agensi Nuklear Malaysia?

ROSNI: Sejarah penubuhan agensi ini bermula pada 11 November 1971 apabila Pusat Penyelidikan dan Aplikasi Tenaga Nuklear (CRANE) sebagai satu pusat penggunaan dan penyelidikan teknologi nuklear. Penubuhan ini telah diterima dan diluluskan secara rasmi Jemaah Menteri pada 19 September 1972.

Sejak penubuhannya, agensi ini telah mengalami perkembangan yang sangat menggalakkan dan melalui fasa transformasi daripada Pusat Penyelidikan Atom Tun Dr Ismail (PUSPATI), yang diiktiraf sebagai pusat penyelidikan kebangsaan pada tahun 1973, kepada Unit Tenaga Nuklear (UTN) pada tahun 1983, untuk melaksanakan peranan dalam perancangan polisi negara dan kegiatan operasi nuklear di bawah naungan Jabatan Perdana Menteri.

Agensi ini seterusnya telah melalui penjenamaan semula kepada Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia (MINT) melalui kelulusan Jemaah Menteri pada 10 Ogos 1994. Pada 13 April 2015, selaras dengan perkembangan peranannya di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, sekali lagi agensi ini telah diberikan imej baharu yang digazetkan sebagai Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia).

WILAYAHKU: Apakah peranan penting lain yang digalas oleh Nuklear Malaysia sepanjang 50 tahun usia penubuhan agensi ini?

ROSNI: Sepanjang 50 tahun penubuhannya, agensi ini menjalankan peranan dalam mempertingkat pembangunan dan

Anugerah IAEA and The Food and Agriculture Organisation of the United Nations (FAO) on Mutation Breeding semasa Persidangan Agung ke 65, Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) di atas kejayaan Nuklear Malaysia dalam bidang biak baka mutasi; Anugerah Excellent Researcher of FNCA 2021 Breakthrough Prize oleh Forum Kerjasama Nuklear di Asia (FNCA) di atas kejayaan penyelidik daripada Nuklear Malaysia, UKM dalam bidang penyelidikan.

daya saing ekonomi negara melalui kecermerlangan dalam teknologi nuklear. Ini dapat dibuktikan dengan perkembangan industri berdasarkan teknologi sinaran seperti pensterilan gamma, peranti perubatan, sarung tangan, produk agromakanan dan sebagainya bagi tujuan eksport.

Bagi memastikan agensi ini kekal relevan dalam arus perdana, peranan Nuklear Malaysia telah disejajarkan dengan misi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) iaitu, untuk menerajui sains, teknologi, inovasi dan ekonomi (STIE), dalam menangani isu dan menghadapi cabaran negara, untuk kesejahteraan masyarakat dan pembangunan mampan.

Nuklear Malaysia juga telah menumpukan usahanya untuk menyumbang ke arah pencapaian matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi 2030, di peringkat kebangsaan serta memenuhi agenda Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDG) 2030 di peringkat antarabangsa.

WILAYAHKU: Apakah pencapaian Nuklear Malaysia yang telah direkodkan?

ROSNI: Pencapaian cemerlang Nuklear Malaysia adalah bersandarkan pengalaman penyelidikan dan pembangunan selama 50 tahun dalam pelbagai aspek sains dan teknologi nuklear, dengan 40 tahun dalam



pengendalian reaktor penyelidikan Reaktor TRIGA Puspatri (RTP), yang bebas kemalangan radiologi dan bersih alam sekitar. Reaktor penyelidikan ini merupakan satu-satunya reaktor penyelidikan nuklear yang terdapat di Malaysia.

Pencapaian mutakhir Nuklear Malaysia adalah penghasilan varieti benih padi baharu IS21 yang telah dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri pada 20 November 2021 di Sekinchan, Selangor.

Benih padi IS21 adalah varieti padi baharu negara hasil daripada kajian biak baka mutasi aruanan sinaran

gamma, yang mempunyai daya tahan tinggi terhadap cuaca ekstrem dan mempunyai daya rintang terhadap beberapa penyakit padi serta mempunyai potensi pengeluaran hasil padi yang tinggi.

Di antara pencapaian terkini adalah seperti Anugerah IAEA and The Food and Agriculture Organisation of the United Nations (FAO) on Mutation Breeding semasa Persidangan Agung ke 65, Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) di atas kejayaan Nuklear Malaysia dalam bidang biak baka mutasi; Anugerah Excellent Researcher of FNCA 2021 Breakthrough Prize oleh Forum Kerjasama Nuklear di Asia (FNCA) di atas kejayaan penyelidik daripada Nuklear Malaysia, UKM dalam bidang penyelidikan.

WILAYAHKU: Boleh Dr ceritakan hala tuju Nuklear Malaysia?

ROSNI: Nuklear Malaysia telah membina dan melancarkan plan strategik 10 tahun agensi ini untuk jangka masa 2021 sehingga 2030.

Plan strategik yang dikenali sebagai Wawasan Nuklear Malaysia 2030 (WNM 2030) ini menggariskan visi ke hadapan Nuklear Malaysia dan menyediakan hala tuju jangka pendek dan sederhana yang jelas, mengambil kira keseluruhan peranan, aktiviti dan kepakaran agensi ini.

WILAYAHKU: Apakah peranan oleh Nuklear Malaysia dalam memupuk kesedaran masyarakat berhubung kepentingan Sains,

Teknologi dan Inovasi (STI)?

ROSNI: Nuklear Malaysia sentiasa komited dalam menjalankan aktiviti penerimaan awam secara berterusan sejak tahun 1980-an sehingga kini. Pelbagai aktiviti telah dijalankan, mengikut jenis audiens dan perkembangan semasa. Sebagai contoh, untuk aktiviti bersama masyarakat awam, Nuklear Malaysia memilih pendekatan turun padang.

Program Pameran Produk Nuklear di kawasan luar bandar dapat mempromosikan Nuklear Malaysia sekali gus memperkenalkan hasil R&D pegawai penyelidik Nuklear Malaysia.

Saya yakin bahawa, pendedahan awal terhadap STI dan pembelajaran secara formal sangat penting untuk memperkenalkan STI kepada generasi muda. Oleh itu, Nuklear Malaysia sentiasa bekerjasama dan menyokong usaha Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menambah baik kurikulum subjek sains dan fizik, terutama yang melibatkan topik berkaitan pendidikan nuklear.

Seiring dengan perkembangan teknologi maklumat, Nuklear Malaysia juga menggunakan platform media sosial untuk menyalurkan maklumat, memaklumkan perkembangan R&D dan membuat hebahan program-program anjuran Nuklear Malaysia kepada masyarakat awam. Malahan, bahan penerbitan Nuklear Malaysia (brosur, majalah, jurnal) juga telah dimuat naik di laman sesawang rasmi Nuklear Malaysia di www.nuclearmalaysia.gov.my.

WILAYAHKU: Bersempena dengan Sambutan Jubli Emas Agensi Nuklear Malaysia pada tahun ini, apakah harapan Dr khususnya kepada warga Nuklear Malaysia dan umurnya kepada rakyat Malaysia?

ROSNI: Saya berharap agar Nuklear Malaysia dapat menonjolkan teknologi nuklear ini ke hadapan dan menerajui beberapa bidang khususnya penyetempatan teknologi nuklear di masa hadapan.

Kepakaran dan pengalaman Nuklear Malaysia, dengan penglibatan pelbagai pihak pemegang taruh, diharap dapat membantu dalam mencapai hasrat MOSTI untuk menjadikan STI sebagai agenda untuk rakyat, selaras dengan tema MOSTI 'Merakyatkan Sains, Menginsan Teknologi'.

Orang ramai dijemput hadir ke Program Pameran serta Kemudahan Nuklear sempena Sambutan Jubli Emas Nuklear Malaysia bermula 5 September hingga 5 Oktober 2022. Untuk maklumat lanjut, layari laman sesawang dan media sosial Agensi Nuklear Malaysia.





KEMENTERIAN Sumber Manusia (KSM)

menyemarakkan Sambutan Hari Kebangsaan Malaysia ke-65 tahun melalui sumbangan tenaga dalam segmen perbarisan dan perarakan dengan tema Keluarga Malaysia Teguh Bersama.

Kontinjen KSM terdiri daripada 84 orang pegawai lelaki dan wanita, gabungan pelbagai agensi serta 10 orang urus setia daripada Bahagian Khidmat Pengurusan KSM yang diketuai oleh Timbalan Ketua Setiausaha Operasi, Datuk Muhsin Razman Mohamed Annur.

Sesi raptai kawad di Dataran Merdeka dilatih oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja 1 RAMD (Istiadat), Sarjan Mohd Shahzuan Abdul Rahim dan Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja 1 RAMD (Istiadat), Lans Kopral Muhammad Fadzli Miskam.

Sesi latihan perbarisan di KSM Putrajaya dilatih oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) Cawangan Daerah Putrajaya, Muhammad Syazwan Ramle dan Mohd Suhaimee Abdullah.

Dalam pada itu, Ketua Kontinjen KSM, Datuk Khair Razman turut menzahirkan perasaan terharu dengan semangat yang dipamerkan oleh seluruh rakyat Malaysia.

"Sepanjang perjalanan perbarisan, orang ramai sibuk merakam, melambai, bersorak dan bertepuk tangan. Kami dapat rasakan bahawa kita bersama Keluarga Malaysia yang saling menghargai dan bersatu padu. Perasaan itu tiada tolok bandingnya yang tertanam kuat di dalam lubuk jiwa," katanya.

Beliau turut berterima kasih kepada jurulatih anggota ATM dan RELA yang menjadi pengasuh dan pengiring kontinjen KSM.

Menurutnya, sepanjang sesi

Kementerian Sumber Manusia semarakkan sambutan ke-65 tahun kemerdekaan negara



KONTINJEN Kementerian Sumber Manusia semasa Hari Kebangsaan Malaysia ke-65.

raptai, mereka melatih kakitangan KSM berkawad dengan penuh keikhlasan dan kesabaran.

"Saya mengucapkan tahniah kepada Kontinjen KSM, semoga terus menaburkan khidmat bakti kepada agama, bangsa dan negara. Perkara yang sukar akan menjadi mudah jika kita teguh bersama," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Shakib Ahmad Shakir juga merakamkan ucapan tahniah kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia selaku Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022 kerana berjaya menganjurkan sambutan

kemerdekaan yang berskala besar, unik dan lautan manusia di luar jangkaan kira-kira 100,000 orang di Dataran Merdeka.

Sambutan tahun ini melibatkan 15,971 peserta perbarisan dan perarakan, sejumlah 369 aset darat, 68 aset udara dan 76 ekor haiwan dalam perkhidmatan.

Acara disiarkan secara langsung di televisyen dan laman media sosial.

Sekitar pukul 7.45 pagi, acara dimulakan dengan ketibaan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan isteri, Datin Seri Muhamain Zainal Abidin bersama jemaah menteri.

Tepat pukul 8 pagi, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong,

Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah mencemar duli berangkat tiba bersama Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah dengan menaiki kereta kuda diraja.

Disusuli dengan lintasan hormat lima helikopter yang membawa Jalur Gemilang serta tembakan 14 das meriam melambangkan 14 negeri dalam Malaysia oleh 41 Bateri Istiadat oleh Rejimen Artilleri Diraja, diketuai oleh Lettenan Kolonel Mohamad Asri Che Wil.

Nyanyian lagu Hormat Diraja dan Negaraku dimainkan serentak dengan acara menaikkan Jalur Gemilang, diikuti lagu tema Keluarga Malaysia Teguh Bersama yang

disampaikan oleh 12 artis tempatan diiringi 65 pemuzik Orkestra RTM pimpinan Pengarah Muzik RTM, Datuk Mokhzani Ismail.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kemudian menyempurnakan pemeriksaan kawalan kehormat utama Panji-Panji Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Di Raja yang diketuai Mejai Nurul Fauziah Md Sabri.

Majlis diteruskan dengan bacaan ikrar yang dipimpin oleh Atlet Pecut Negara, Muhammad Azeem Fahmi diiringi 65 peserta Keluarga Malaysia mewakili pelbagai kaum dan etnik diikuti laungan 'Merdeka' sebanyak tujuh kali.

Seterusnya adalah persembahan khas padang formasi kira-kira 600 peserta dari Kementerian Pendidikan Malaysia.

Acara diteruskan dengan perbarisan dan perarakan kontinjen kenegaraan, pancaragam, perarakan kendaraan berhias dan aset-aset agensi pertahanan.

Kemudian pertunjukan udara melintasi pentas utama. Acara melibatkan formasi pesawat Sukhoi SU-30 MKM, F/A-18D Hornet, B.A.E Hawk, pesawat pengangkut A400M Airbus, C130 Hercules dan tujuh jenis helikopter milik agensi kerajaan.

Acara berakhir tepat pukul 10.45 pagi dengan keberangkatan pulang Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong.

Menariknya, para pengunjung didendangkan dengan persembahan oleh barisan artis tempatan antaranya Sufi Rashid, Nikki Palikat, Nadia Hasnan serta Kumpulan Kesenian Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.



WAKIL Jabatan Tenaga Manusia (JTM), dari kiri: Fazli, Rashidah, Dr Rodzidah, Datuk Khair Razman, Juselin dan Faizal.



PERBARISAN Kontinjen KSM di Dataran Merdeka.

Penjawat awam tonggak utama kerajaan dan Keluarga Malaysia

PENGUMUMAN Perdana Menteri pada Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam ke-18 baru-baru ini menggambarkan pengiktirafan kerajaan terhadap kepentingan penjawat awam sebagai tonggak utama di antara kerajaan dan Keluarga Malaysia keseluruhannya.

Menurut Dekan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS), **Profesor Madya Dr Mohd Rahimi Abd Karim**, ia menggambarkan aspirasi kerajaan supaya penjawat awam sentiasa berusaha meningkatkan mutu perkhidmatan dalam melaksanakan dasar kerajaan dan

memberikan perkhidmatan terbaik kepada semua pemegang taruh.

"Melalui gesaan agar penjawat awam menerap dan memperkasa budaya *intrapreneurship* dalam organisasi awam, Perdana Menteri mengajak semua penjawat awam supaya lebih kreatif, inovatif dan responsif dalam menyelesaikan permasalahan dan memenuhi keperluan rakyat."

"Dengan menggangap organisasi awam sebagai sebuah entiti seperti syarikat yang mementingkan kecekapan operasi

dan *survival*, penjawat awam boleh membantu kerajaan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dengan lebih cekap dan berkesan serta mengoptimumkan penggunaan sumber dengan mengelakkan ketirisan dan pembaziran."

"Bantuan kewangan yang diumumkan Perdana Menteri seperti bayaran Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) tambahan khas sebanyak RM100 dan Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2023 menunjukkan keprihatinan Perdana Menteri dan kerajaan dalam membantu penjawat awam mengatas-



DR MOHD RAHIMI

kenaikan kos sara hidup dalam persekitaran ekonomi global yang masih mencabar," katanya kepada *Wilayahku* baru-baru ini.

Beliau turut bersetuju yang bantuan kewangan itu sedikit sebanyak akan membantu meringankan beban penjawat awam terutama ketika awal tahun 2023 yang biasanya memerlukan lebih banyak perbelanjaan berbanding bulan-bulan yang lain.

Tambahnya lagi, melalui peningkatan gaji dan bantuan awal tahun 2023 itu, kuasa beli penjawat awam akan bertambah dan ini bakal membantu merancakkan ekonomi negara apabila penjawat awam

berbelanja.

Beliau turut berpesan agar penjawat awam dapat menggunakan bantuan khas kewangan itu dengan berhemah.

"Mereka perlu berbelanja dengan bijak, dengan mengutamakan pembelian produk keluaran tempatan dan meningkatkan tabungan atau pelaburan mereka demi masa hadapan."

"Penjawat awam tidak seharusnya berbelanja dengan boros atau menambah hutang baharu yang boleh menjerumuskan mereka kepada risiko perangkap hutang dan kesulitan kewangan pada masa hadapan," katanya. **W.K**

UMS-UIAM kupas pelaksanaan pendidikan inklusif dalam konteks pelajar OKU

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) menganjurkan sebuah wacana ilmu bagi mengupas pelaksanaan pendidikan inklusif di universiti dalam konteks pelajar Orang Kurang Upaya (OKU).

Dengan tajuk Pelaksanaan Pendidikan Inklusif: Realiti, Cabaran dan Hala Tuju, program yang berlangsung di Rumah Galeri Azman Hashim (GAH) UMS pada Isnin telah menampilkan lima penceramah jemputan termasuk staf dan pelajar OKU UIAM.

Antaranya ialah Ketua Unit Perkhidmatan OKU UIAM, Prof Dr Ruzita Mohd Amin dan Penasihat Unit Perkhidmatan OKU UIAM Mejar Jeneral Dato Yusri Anwar.

Turut membuat perkongsian ialah Pegawai Keselamatan UMS Inspektor Polis Bantuan (PB) Massalinri Mohd Tahir.

Sementara itu, Pengarah Pusat Pengurusan OKU (PPOKU) UMS, Dr Zaiton Mohamad berkata program itu diharapkan dapat memberikan pendedahan awal tentang keperluan kebolehcapaian

OKU dan infrastruktur di setiap Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

"Dalam pelaksanaan pendidikan inklusif, hak golongan istimewa ini tidak boleh dinafikan dan perlu dititikberatkan."

"Sudah pasti ia menuntut satu cabaran besar dan memerlukan tenaga sumber manusia yang mencukupi bagi memastikan Dasar OKU Negara dan Dasar Inklusif OKU di IPT 2018 dilaksana."

"Sesungguhnya, PPOKU UMS akan sentiasa berusaha untuk memastikan kebijakan pelajar dan kakitangan OKU di UMS sentiasa terjamin," katanya.

Zaiton turut merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak UIAM atas kerjasama dalam penganjuran program tersebut.

"Saya percaya ini merupakan permulaan kepada pelbagai kerjasama lain pada masa akan datang."

"Terima kasih juga kepada pihak pengurusan universiti yang sentiasa menyokong PPOKU dari dahulu sehingga kini terutamanya dalam memastikan kebijakan warga OKU di UMS sentiasa terjaga," jelas Zaiton. **W.K**



SEBAHAGIAN peserta wacana pendidikan inklusif di universiti untuk pelajar OKU.



ANTARA pelajar yang menerima PerantiSiswa bergambar kenangan pada Majlis Pelancaran Inisiatif PerantiSiswa Keluarga Malaysia.

Tablet diberikan terus kepada pelajar B40

PERDANA MENTERI, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan kerajaan bersetuju untuk memberi terus tablet berjenama terkenal kepada semua penerima Inisiatif PerantiSiswa Keluarga Malaysia.

Beliau berkata pemberian peranti itu sebagai penghargaan, sekali gus diharap menjadi pemangkin untuk penerimaan belajar bersungguh-sungguh sehingga meraih keputusan cemerlang.

"Umum mengetahui bahawa Inisiatif PerantiSiswa diberikan secara Konsep Guna Pakai (KGp) di mana mahasiswa perlu menyerahkan semula peranti itu setelah tamat pengajian."

"Namun, atas maklum balas memberangsangkan ketika sesi pertemuan antara Menteri Komunikasi dan Multimedia bersama wakil Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) pada 15 Ogos lalu, terdapat cadangan supaya ia diberi terus kepada mahasiswa yang mendapat keputusan cemerlang."

"Jadi, pelajar tidak perlu pinjam, tidak perlu pulangkan balik tetapi kerajaan akan bagi terus," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Inisiatif PerantiSiswa Keluarga Malaysia di Universiti Teknologi MARA (UiTM), baru-baru ini.

Turut hadir, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad; serta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar.

Fasa pertama Inisiatif PerantiSiswa terbuka kepada warganegara Malaysia

kategori keluarga B40, iaitu pendapatan isi rumah RM4,850 dan ke bawah; sedang mengikut pengajian sepenuh masa pada peringkat diploma, diploma lanjutan atau ijazah sarjana muda; serta tidak pernah menerima bantuan peranti daripada mana-mana program bawah kerajaan.

Pada fasa kedua pula, ia turut dibuka kepada pelajar sedang mengikuti program asasi serta matrikulasi di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Tingkatan 6 dan Program Diploma Vokasional, dengan permohonan dibuka hingga 30 September ini.

Ismail Sabri berkata bagi memastikan proses pengajian pelajar B40 terus terpelihara, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM450 juta melalui Bajet 2022 bagi melaksanakan Inisiatif PerantiSiswa Keluarga Malaysia.

"Majoriti pelajar yang menggunakan teknologi dalam urusan pembelajaran harian, menerima kesan positif dalam pembelajaran dan dapat menambah ilmu pengetahuan tanpa sempadan."

"Namun, terdapat pelajar yang kurang berkemampuan, adakalanya perlu meminjam peranti rakan atau terpaksa pergi ke pusat Internet di bandar semata-mata untuk menghadiri kelas dalam talian mahupun membuat tugas pengajian."

"Menerusi inisiatif ini, pelajar B40 akan menerima sebuah peranti berbentuk tablet yang boleh dimanfaatkan sepanjang proses pembelajaran sehingga mereka menamatkan pengajian nanti," katanya. **W.K**

Kecantikan gigi kesilapan yang bakal disesali



PROF SEOW LIANG LIN

PERKHIDMATAN pergigian tanpa kebenaran yang ditawarkan doktor gigi haram atau mereka yang merasakan diri pakar pergigian hanya selepas menonton beberapa video di YouTube, sebenarnya hanya menyakitkan hati orang yang mendapatkan rawatan daripada mereka (dan sakit gigi).

Ibu doktor gigi haram sudah berlarutan bertahun-tahun lamanya. Semakin banyak aduan mengenai doktor palsu diterima Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hasil laporan pelanggan yang tidak berpuas hati. Pada tahun 2017 sahaja, KKM menerima 54 laporan dan meningkat ke 130 aduan pada tahun 2019.

Menurut Profesor Seow, rawatan pergigian yang diberikan pihak yang tidak berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia (MDC) dan bukan pemegang Sijil Perakuan Pengamalan Tahunan (APC)/Sijil Perakuan Pengamalan Sementara (TPC) yang sah untuk memberikan rawatan pergigian di Malaysia, adalah dianggap sebagai haram.

"Doktor gigi haram cenderung terangkum dalam beberapa kategori berbeza," jelas beliau.

"Lazimnya, terdapat golongan doktor gigi haram yang membuka gerai bukan sahaja di pasar malam, tetapi di pasar-pasar pagi juga. Mereka menawarkan rawatan pergigian kepada pengunjung pasar-pasar ini yang biasanya dalam lingkungan usia pertengahan dan yang lebih berusia. Doktor-doktor palsu ini selalunya menawarkan perkhidmatan menggantikan gigi yang patah pada masa itu juga.

"Satu lagi golongan beroperasi di salon-salon kecantikan. Mereka menawarkan perkhidmatan estetik seperti pemutihan gigi dan venir.

"Berdasarkan perhatian saya, pelanggan mereka terdiri daripada orang yang lebih muda yang selalu mendapatkan perkhidmatan pergigian begitu di salon-salon kecantikan," terang Profesor Seow.

Walaupun prosedur-prosedur berkenaan nampak ringkas dan biasa, namun tidak sepertutnya seorang pendandan kecantikan diberikan kepercayaan untuk menjalankan prosedur pergigian.

Ada juga golongan yang menguar-uarkan perkhidmatan mereka di media sosial dan mempunyai klinik sementara di bilik-bilik hotel. Kadang-kadang, mereka turut menawarkan perkhidmatan dari rumah ke rumah. Ramai di kalangan mereka 'mempelajari' kemahiran pergigian melalui tontoton video-video di YouTube dan melakukan rawatan



seperti memasang pendakap gigi sehingga ke prosedur venir.

TERMAKAN UMPAN

AGAK pelik apabila ada sesetengah orang yang sanggup mendapatkan rawatan pergigian di pasar-pasar malam dan pagi, tetapi khidmat ini biasanya ditawarkan sebagai satu cara yang mudah dan cepat untuk menangani masalah kehilangan gigi. Pengunjung berjumputa 'doktor gigi' yang menjanjikan sesuatu seperti menggantikan gigi yang patah pada kadar segera. Hakikatnya apa yang mereka dapat adalah doktor gigi haram yang hanya menyambungkan gigi palsu kepada gigi asal dengan menggunakan dawai atau seumpamanya. Pelanggan berpuas hati kerana mereka tidak perlu membuat gigi palsu. Tetapi apa yang mereka tidak sedar adalah gigi palsu tersebut sebenarnya tidak berfungsi dan akan menyebabkan kerosakan kepada gusi dan gigi asal di sebelah gigi palsu itu.

"Gigi asal akan mereput dan menyebabkan radang gusi apabila makanan terimpak," kata Profesor Seow.

Namun begitu, sebab utama yang yang membolehkan perkhidmatan pergigian penuh tipu daya ini terus-menerus ditawarkan adalah kerana kurangnya pendidikan dan kesedaran akan akibat jangka panjangnya.

"Orang ramai tertarik dengan gambar-gambar sebelum dan selepas yang menjanjikan penyelesaian yang mudah dan cepat. Mereka terperangkap dengan promosi jualan yang meyakinkan. Walau bagaimanapun, ia hanya nampak baik untuk jangka masa yang pendek tetapi kesudahannya anda menderita untuk jangka masa yang panjang," jelas Profesor Seow.

HAKIKAT

SATU lagi rawatan popular di salon-salon kecantikan adalah venir. Menurut Profesor Seow, venir digunakan dalam beberapa keadaan tertentu yang mana salah satu daripadanya adalah apabila gigi yang kuning tidak sesuai menjalani prosedur pemutihan. Contohnya, akibat kesan tetrasiklina yang berlaku apabila seorang ibu mengambil antibiotik tetrasiklina semasa hamil, menyusukan anak atau apabila kanak-kanak mengambilnya semasa gigi sekunder dan utama sedang tumbuh.

"Kesan berwarna hitam kelabu ini tidak boleh dirawat melalui proses pemutihan kerana ianya dari dalam gigi," terang beliau.

Dalam situasi lain pula, venir sesuai digunakan jika gigi tidak rata dan pesakit tidak mahu memakai pendakap gigi, dan ini termasuklah keadaan di mana gigi rosak teruk.

Proses yang terlibat termasuklah mengikis nipis struktur gigi dan menampal venir. Proses ini dinamakan venir tidak langsung. Ada juga venir langsung di mana doktor gigi akan menggunakan bahan tampaian berwarna gigi untuk menutupi gigi yang kuning lalu mengubah bentuk dan saiz gigi.

Dengan doktor gigi yang sah, venir jenis tidak langsung dibuat khas dan dihasilkan di makmal pergigian, manakala venir langsung memerlukan kerja tangan yang mahir kerana gigi perlu dibentuk dan digilap dengan betul bagi memastikan ia kelihatan cantik. Memberikan kepercayaan kepada pendandan kecantikan untuk melakukannya sering kali membawa kepada pelanggan mendapat venir yang tidak sepadan hingga menyebabkan gusi Bengkak dan berpenyakit.

Bagi prosedur memasang jambatan pergigian bagi mengganti kehilangan gigi,

pertama ia melibatkan proses pemangkasan barisan gigi atau gigi bersebelahan yang jarang. Kemudian, acuan gigi yang telah dipangkas dihasilkan. Acuan ini dihantar ke makmal pergigian yang akan membikin jambatannya. Rawatan oleh doktor gigi haram pula hanya melibatkan pendakwaan gigi palsu ke gigi sebelahnya.

"Mbenarkan doktor gigi haram menggunakan set gigi yang tidak dibuat khas untuk pemakainya dengan hanya menggunakan dawai membawa risiko gigi reput, masalah gusi dan masalah lain akibat pemakaian gigi yang tidak sepadan," terang Profesor Seow.

Satu lagi rawatan popular yang dicari ramai orang adalah pendakap gigi. Ada dua jenis pendakap gigi. Kaedah konvensional menggunakan pendakap dan dawai logam. Kaedah terbaru menggunakan penjajaran lut sinar. Penjajaran lut sinar sudah berada di dalam pasaran sejak 20 tahun yang lalu dan pesakit diberikan satu set 40 ke 50 penjajaran plastik lut sinar. Setiap tujuh ke 10 hari dalam tempoh satu setengah tahun, penjajaran lut sinar itu akan diganti secara berurutan sehingga gigi akan beranjak perlahan-lahan.

"Pendakap gigi untuk membetulkan gigi tidak rata yang ringan dan tidak serius boleh dilakukan doktor gigi yang sudah meningkatkan kemahiran diri dengan menghadiri kursus-kursus pendek. Namun begitu, bagi kes yang rumit, anda perlu berjumpa pakar ortodontik," kata Profesor Seow.

PETANDA BAHAYA

BAGAIMANAKAH caranya untuk memastikan doktor gigi itu sah? Semua doktor gigi perlu berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia. Sijil Perakuan Pengamalan Tahunan (APC) perlu dipamerkan di klinik. Jika tiada sijil atau ia tidak

“Agak pelik apabila ada sesetengah orang sanggup mendapatkan rawatan pergigian di pasar-pasar malam dan pagi, tetapi khidmat ini biasanya ditawarkan sebagai satu cara yang mudah dan cepat untuk menangani masalah kehilangan gigi. Pengunjung berjumputa ‘doktor gigi’ yang menjanjikan sesuatu seperti menggantikan gigi yang patah pada kadar segera.”

diperbaharui, anda tidak berada di klinik yang betul.

"Setiap klinik yang beroperasi secara sah perlu memperbaharui APC setiap tahun dan mestilah dipamerkan," jelas Profesor Seow.

Anda juga perlu memerhatikan lokasi di mana khidmat pergigian ditawarkan. Premis mestilah betul-betul sebuah klinik dan bukannya gerai di tepi jalan, di bilik hotel atau di salon kecantikan.

Selain daripada itu, sentiasa berhati-hati dengan produk murah dalam talian yang menawarkan venir, pendakap gigi dan produk pemutihan gigi palsu.

"Sama ada ia akan memudaratkan atau tidak bergantung kepada bahan-bahan yang digunakan. Tetapi dalam apa jua keadaan, kebanyakan produk ini tidak nampak meyakinkan dan berkesan," kata Profesor Seow.

Jangan ambil risiko, tambah beliau. Kegagalan berjumputa doktor gigi yang betul untuk mendapatkan rawatan pergigian boleh menyebabkan kerosakan gusi dan gusi yang tidak dapat dipulihkan.

"Doktor gigi haram dan rawatan tipu boleh merosakkan struktur sokongan gigi. Faktor kebersihan dan kurangnya penggunaan peralatan yang betul dalam situasi ini juga menjadi persoalan.

"Beringatlah ada perkara yang nampak sahaja bagus tapi sebenarnya tidak.

"Anda mungkin merasakan anda mendapat urus janji yang berbaloi tetapi hakikatnya ia satu kesilapan yang akan disesali serta menyusahkan anda," Profesor Seow memberi amaran.

Penulis merupakan Dekan Fakulti Pergigian Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU).

Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi tunjuk kesan positif di Labuan

Kerajaan komited bantu rakyat



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

KERAJAAN terus komited melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membantu rakyat mendepani isu kos sara hidup yang melanda dunia.

Pengerusi Perbadanan Labuan, Senator Datuk Bashir Alias berkata, antara langkah penting yang diambil kerajaan adalah penubuhan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi dan pasukan itu dilihat berada di landasan tepat apabila ia mula menunjukkan hasil positif dalam mengurus kenaikan kadar inflasi.

"Kesan penubuhan pasukan itu menyiksa kenaikan harga lebih terkawal dengan jaminan rantaian bekalan makanan dan barang lebih meyakinkan terutama ayam dan minyak masak dalam botol," katanya ketika berucap di Majlis

Perasmian Semarak Gemilang Dan Kembara Merdeka Keluarga Malaysia 2022 Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan, di Pantai Layang-Layangan, baru-baru ini.

Menurutnya lagi, memahami terhadap kesusahan rakyat pihak kerajaan terus mempergiat inisiatif lain bagi membantu rakyat mendapatkan kos sara hidup yang semakin meningkat.

"Kerajaan memperluaskan dan menjenamakan Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) kepada Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (JMKM) melibatkan 600 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) seluruh negara dan 13 kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan.

"Komitmen Kerajaan diteruskan dengan meningkatkan peruntukan subsidi kepada lebih RM77 bilion berbanding peruntukan asal sebanyak RM31 bilion bagi tahun 2022. Unjuran subsidi kepenggunaan berkenaan meliputi petrol, diesel, gas

petroleum cecair (LPG), minyak masak, tepung dan elektrik bagi mengurangkan kos sara hidup rakyat," katanya lagi.

Dalam pada itu, Bashir berkata bagi menangani isu kenaikan harga barang di Labuan, pihak Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) turut mengambil langkah membantu dalam meringankan bebanan rakyat di pulau itu.

Jelasnya, KWP telah memberikan subsidi berjumlah RM581,000 menerusi Program Jualan Rakyat MyGrocer@Wilayah sejak 14 Julai lalu.

"KWP memberikan kadar subsidi bersasar sebanyak RM3 bagi pembelian seekor ayam (*super*) manakala RM0.50 subsidi bagi 10 biji telur ayam.

"Kira-kira 19,000 penduduk kumpulan B40 di Labuan menerima manfaat ini selama tempoh enam bulan dengan melibatkan peruntukan berjumlah RM399,000," jelasnya. WK



BASHIR (kiri) menyampaikan hadiah kepada johan pertandingan karaoke yang diadakan pada Program Semarak Merdeka Gemilang Dan Kembara Merdeka Keluarga Malaysia 2022 peringkat Labuan.



ROZMAN (tengah) menyampaikan buah tangan kepada Bashir (dua dari kanan) selepas perasmian Program Tamu Simbat-Simbatan siri ke empat di Perkarangan Medan Selera, baru-baru ini.

Tamu Simbat-Simbatan memartabatkan etnik kaum Kadayan

PROGRAM Tamu Simbat-Simbatan yang dianjurkan oleh Persatuan Kadayan Labuan (WAKAL) merupakan satu usaha persatuan itu memartabatkan kebudayaan, kesenian etnik kaum itu kepada masyarakat umum.

Menurut Yang Dipertua WAKAL, Datuk Rozman Isli, penganjuran program itu bertujuan mempromosikan program dan aktiviti yang berkaitan dengan budaya, bahasa, tradisi dan adat resam masyarakat kadayan.

"Ini adalah usaha kita untuk memastikan kebudayaan, kesenian kaum ini dapat dikenalkan kepada generasi muda dan tidak dilupakan."

"Selain itu, dengan penganjuran ini mampu memartabatkan etnik kaum ini di mata dunia," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian penganjuran itu yang disempurnakan oleh Ahli Dewan Negara Senator, Datuk Bashir Alias di perkaranan Medan Selera di sini, baru-baru ini.

Sementara itu, Bashir yang juga

Pengerusi Perbadanan Labuan menyambut baik penganjuran program itu sebagai usaha yang mampu meningkatkan ekonomi Labuan sekali gus memartabatkan kebudayaan kaum Kadayan.

Katanya, penganjuran itu berpotensi dalam menarik pelancong luar ke pulau itu dan memberikan impak positif kepada Labuan dari segi ekonomi khususnya.

"Bagi pihak Perbadanan Labuan berharap program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang kerana ianya merupakan penganjuran yang memberikan manfaat kepada pulau ini dari segi kebudayaan, kesenian dan ekonomi," katanya.

Terdahulu, penganjuran Tamu Simbat-Simbatan itu telah mengumpulkan seramai 125 peniaga daripada Labuan dan Sabah.

Pada program selama empat hari itu turut diadakan pengisian antaranya persembahan kebudayaan etnik Kadayan (Ba'angat Mukun), pertandingan karaoke, pertandingan mewarna dan pelbagai lagi.

WK

Kakitangan PL perlu profesional menjaga hubungan dengan rakyat

"KAKITANGAN Perbadanan Labuan (PL) perlu profesional dan bijak dalam menjaga hubungan yang sedia ada dan lebih dekat dengan rakyat Labuan," kata Pengerusinya, Senator Datuk Bashir Alias.

Beliau berkata semua kakitangan PL perlu mempunyai daya penyelesaian yang baik bagi memastikan setiap langkah yang diambil memberikan impak positif kepada masyarakat di Labuan.

"PL mengalu-alukan pandangan warga Labuan terhadap perkhidmatan dan kebajikan yang disampaikan melalui saluran yang dimiliki oleh Perbadanan Labuan seperti laman web, Facebook, Twitter, TikTok, Telegram dan lain-lain."

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Program Hari Bertemu Pelanggan Perbadanan Labuan di sini, pada Ahad lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PL Rithuan Mohd Ismail.

Kesinambungan PL dua dekad katanya,



BASHIR (tiga kanan) menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan TikTok yang diadakan sempena Program Hari Bertemu Pelanggan Perbadanan Labuan di sini, pada Ahad lalu.

ianya merupakan sambutan PL ke arah Jubli Perak pada tahun 2026.

Dalam perkembangan lain, Bashir turut memaklumkan pengiktirafan Labuan sebagai Geopark Kebangsaan.

Katanya, Labuan Geopark telah mendapat pengiktirafan sebagai salah satu Geopark Kebangsaan iaitu yang ke-7 di Malaysia dan pengiktirafan tersebut diperakuan pada 16 Disember tahun lepas.

"Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada seluruh warga Labuan secara langsung dan tidak langsung kerana memberi kerjasama dalam menjayakan Labuan Geopark ini."

"Dengan pengiktirafan ini, pelbagai inisiatif sedang dilaksanakan dan dirancang oleh PL untuk membangunkan jenama Labuan Geopark melalui pembangunan tapak, geoproduk komuniti, promosi dan libat urus berterusan, produk makanan serta perkhidmatan berkaitan," katanya. WK



Imbas
Kod QR untuk
menonton
video.



Aura karismatik 'Cowboy Malaysia'



HAZIRAH HALIM

MENJEJAKKAN kaki ke lokasi ini seperti berada di era *Wild West*. Deretan kandang kuda berlatarbelakangkan pemandangan bukit yang menghijau disertai bunyi desiran anak sungai yang sungguh mendamaikan.

Seorang lelaki 60-an lengkap dengan sut persalinan ala-cowboy menyambut kami dengan mesra. Daripada penampilan dan gaya tutur beliau terserlah wibawa dan karisma yang membuatkan siapa sahaja terpesona.

Datuk Dr Nek Abdul Rahman Saleh yang terkenal dengan gelaran 'Cowboy Malaysia' tidak keberatan untuk bercerita tentang diri dan dunia kuda beliau.

Lelaki berusia 66 tahun ini mengakui memang meminati kuda sejak zaman remaja lagi namun ketika itu beliau tidak mampu untuk membeli kuda hanya menumpang kawan yang memiliki hobi sama seperti beliau.

Pun begitu, pada tahun 1995, ketika mencebur入 bidang bioteknologi (makanan tambahan susu kuda jenama Niemans) dan selepas itu beliau mula mempelajari kuda dengan cara yang betul melalui jurulatih Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Sebelum saya dikenali sebagai usahawan dalam bidang kuda, saya merupakan pegawai kanan PDRM di Bukit Aman namun saya bersara pada tahun 2011 selepas tamat pengajian," ujar bekas Asisten

Supritendan yang berkhidmat dari tahun 1977 hingga 2011 ini.

Bercerita lanjut, beliau bahagia melakukan sesuatu yang dicintai dengan sokongan kaum keluarga sehingga mereka sekeluarga juga digelar 'Keluarga Cowboy'.

Mencebur 入 bidang usahawan kuda, anak kelahiran Kelantan ini berkata, beliau melatih individu yang berminat untuk mengetahui cara menunggang kuda yang betul selain turut memperkenalkan program *Stable Management* yang merupakan modul pertama yang diperkenalkan di Malaysia di bawah syarikat miliknya.

"Pada tahun 2010, saya telah memperkenalkan program tersebut ke Kementerian Pendidikan Malaysia dan sekolah yang terpilih untuk program itu adalah Sekolah Vokasional Kajang, Sekolah Menengah Vokasional Sungai Buloh dan beberapa buah sekolah lagi," ujar beliau.

Setelah 26 tahun penglibatan dalam bidang kuda, beliau dilantik menjadi Penaung Persatuan Aktivis Kuda Kelantan selain turut dilantik menjadi Presiden Kuda Asia sejak tiga tahun lalu. Beliau juga adalah Penasihat *Cowboy Thailand-American Association (CTAA)* dan Ahli Jawatankuasa Persatuan *Thoroughbred Indonesia (PTI)*.

NIEMANS THE HIDEOUT

BERKONGSI tentang penubuhan Niemans The Hideout (NTH), Nek Abd Rahman berkata, beliau membuka pusat latihan kuda di Bukit Tinggi pada 2014 yang

mana menawarkan peluang belajar menunggang dan menguruskan kuda kepada orang ramai di Bukit Tinggi, Bentong, Pahang.

Kini, anak beliau, Nek Ahmad Maheer yang juga meminati kuda turut menjadi jurulatih dan menguruskan NTH bersama isterinya Nora Shahida Mohd Fauzi.

Malah legasi keluarganya diteruskan oleh cucu sulung keluarga beliau, Nek Ariana Balqis atau Aqish dan dua orang adiknya.

KAPSUL SUSU KUDA LIAR

MENYINGKAP kejayaan formulasi kesihatan berdasarkan kapsul susu kuda liar, Niemans Feramilch yang diilhamkan oleh beliau, ia tercetus selepas bertemu dengan seorang lelaki sewaktu penerbangan ke Bali yang ingin mencari susu kuda untuk merawat penyakit kanser yang dihidapi anak perempuannya.

"Pada awalnya saya tidak percaya kerana tidak pernah mendengar tentang khasiat susu kuda. Justeru itu, saya telah melakukan penyelidikan lebih mendalam bersama penyelidik di Universiti Malaya (UM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk mengetahui khasiat tersebut."

"Selepas penyelidikan tersebut berjaya dilakukan dan khasiat dikenal pasti, daripada sifatnya tercetusnya idea untuk saya menghasilkan formulasi susu kuda dalam bentuk kapsul sebagai

alternatif mengawal pelbagai jenis kanser dan penyakit kronik lain," ujar graduan Undang-Undang Perubatan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) ini.

Tambah beliau, penghasilan kapsul susu kuda ini turut dibantu oleh lebih 15 pakar perubatan atau mikrobiologi dari universiti tempatan dan luar negara, yang mana mereka mengenalpasti bahawa susu kuda adalah susu kedua terbaik selepas susu ibu dari nilai anti kanser dan anti oksiden.

"Saya juga turut mengkaji khasiat dan kelebihan kapsul susu kuda ini terhadap salah seorang keluarga saya yang menghidap penyakit Leukemia. Melihat kondisi kesihatannya, dia jangkakan dia hanya boleh



NIEMANS The Hideout menyediakan perkhidmatan belajar menunggang dan pengurusan kuda secara komprehensif.

NEK ABDUL RAHMAN

bertahan selama tiga bulan sahaja selepas menjalani sesi kimoterapi namun setelah dia mencuba kapsul ini, *alhamdulillah* dia kini sembah," cerita beliau.

"Niemans Feramilch mengandungi sejumlah 40 komponen aktif biologi yang mengandungi pelbagai vitamin seperti vitamin A, C, B1, B6, B12, asid amino, enzim dan pelbagai lagi.

"Penggunaan suplemen ini juga boleh menyumbang kepada pemulihran fungsi gangguan organ dan tisu yang rosak termasuk memulihkan penyakit kronik tertentu," ujar beliau kapsul susu kuda kini dijual ke seluruh dunia.

Bagi sesiapa yang ingin mendapatkan susu kuda Niemans Feramilch, boleh layari laman sesawang: www.niemans.com.my, laman Facebook: *Niemans Feramilch Forum* atau hubungi **012-6922545** (Romza) atau HQ **017-2833723** (Nora).

WK

Lanjutan RFP 2022, beri peluang golongan B40 rasai pengalaman



AINI MAWAWI

ORANG ramai menyambut baik pengumuman Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim untuk melanjutkan Festival Floria Diraja Putrajaya (RFP 2022) sehingga 11 September ini.

Keputusan tersebut dibuat bagi memberi lebih banyak peluang kepada orang ramai berkunjung ke pameran tersebut serta mengambil kira musim cuti persekolahan pada ketika ini.

Ekoran itu, orang ramai terutama golongan ibu bapa meluahkan rasa teruja kerana berpeluang berkunjung secara percuma bagi melihat keindahan lebih 400,000 pokok daripada pelbagai spesis dan kultivar bunga-bungaan serta tanaman hiasan.

Menurut Farah Solehah Abdullah, lanjutan tersebut

membolehkan keluarga berpendapatan rendah (B40) berpeluang membawa anak-anak menyaksikan keindahan festival yang mendapat sambutan ramai itu.

"Kalau ada seorang anak tak mengapa tetapi jika lebih daripada seorang agak sukar bagi mereka yang tidak berkemampuan. Jadi, dengan adanya peluang untuk masuk secara percuma saya rasa ia sangat baik."

"Saya lihat pihak terlibat juga memandang kesukaran golongan yang tidak berkemampuan yang mana mereka juga teringin untuk pergi ke festival yang menarik seperti itu," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Bagi Norafidah Abdul Halim pula, peluang lanjutan yang diberi tidak dipersiakan memandangkan dia dan keluarga tidak berpeluang ke festival tersebut sebelum ini disebabkan kekangan masa.

"Saya dan suami bekerja jadi, agak sukar untuk meluangkan masa pergi ke RFP. Disebabkan sekarang ini cuti sekolah, saya dan suami ambil kesempatan untuk membawa anak-



NORAFIDAH



FARAH SOLEHAH



ORANG ramai berpusu-pusu mengunjungi RFP 2022.

anak ke sana.

"Sekurang-kurangnya ia dapat diisi dengan program menarik supaya mereka tidak bosan. Selain itu, saya juga memang bercadang untuk membawa mereka berjalan di Putrajaya," ujarnya yang menetap di Kuala Lumpur.

Mengakui hal yang sama, Ahmad

Isyafiq Mad Desa berkata peluang lanjutan tersebut membolehkan dia membawa keluarga mengunjungi festival tersebut lebih-lebih lagi ketika cuti sekolah.

"Keluarga saya tinggal di Perak, kalau hari bekerja susah untuk datang ke sini jadi, jadi sekarang memang waktunya yang tepat untuk

mereka bercuti ke sini," ujarnya.

Terdahulu, Shahidan mengumumkan lanjutan RFP 2022 pada Majlis Penutup Festival Bunga dan Taman Floria Diraja Putrajaya 2022. Sebelum ini, RFP yang sepatutnya berakhir pada 4 September 2022 dilanjutkan sehingga 6 September 2022. **WK**

KARNIVAL PENDIDIKAN DAN HALUAN KERJAYA PUTRAJAYA 2022

- ✓ Lebih dari 30+ Booth Pameran Pengajian Tinggi
- ✓ Bual Bicara : Penajaan dan Pinjaman Pendidikan
- ✓ Ujian Kenali Potensi Diri
- ✓ Motivasi Diri dan Haluan Kerjaya
- ✓ Permohonan Kemasukan ke IPTA /IPTS

e-Sijil Penyertaan turut disediakan

23 - 25 SEPTEMBER 2022 (JUMAAT-AHAD)
AUDITORIUM CEMPAKA SARI, PUTRAJAYA
BERMULA 9.00 PAGI - 8.00 MALAM

BERSEMPENA KARNIVAL PUTRAJAYA 2022



Sila imbas Kod QR bagi tujuan pendaftaran dan e-Sijil Penyertaan



+60 11-7542 5670 (Puan Anna)



Karnival Pendidikan dan Haluan Kerjaya Putrajaya 2022

Orang ramai dijemput HADIR!
Masuk adalah PERCUMA

Mahu bawa silat ke persada dunia

Fitri idam kejayaan di SUKMA 2022

SABRINA SABRE

BIARPUN baru berusia 23 tahun namun atlet Wilayah Persekutuan, **Muhammad Fitri Naim Azmi**, berazam mahu mencipta kejayaan unggul dalam dunia persilatan antarabangsa.

Semangatnya terus berkobar dan tidak hairanlah dia berjaya menyumbang pingat buat negara pada ASEAN University Games (AUG) Julai hingga Ogos lalu di Thailand.

Sungguhpun hanya mampu meraih pingat gangsa namun ia dijadikan kayu pengukur untuk terus memburu kejayaan lebih hebat pada masa akan datang.

"Minat dalam sukan ini menjadikan saya lebih bersemangat ditambah pula dengan dorongan ahli keluarga yang tidak putus-putus memberikan galakan dan sokongan yang tidak berbelah bahagi,"



katanya kepada *Wilayahku*.

Selain itu, pelajar jurusan Ijazah Sains Sukan di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) ini memberitahu dia menjadikan pesilat negara Indonesia, Iqbal Chandra Pratama sebagai idolanya kerana kekuatan mental yang terdapat pada lelaki tersebut.

"Setiap kali perlawanan, dia akan bermain dengan sangat tenang dan tidak terburu-buru selain merupakan atlet yang sangat peramah dan menghormati orang sekeliling serta pihak lawan. Itu yang membuatkan saya kagum dan bercita-cita untuk menjadi seperti itu nanti."

"Sukan silat sebenarnya nampak macam mudah, namun tanpa kekuatan mental seseorang pemain tersebut tidak mampu beraksi dengan cemerlang," ujar anak bongsu daripada enam orang adik-beradik ini.



AKSI Fitri (kanan) ketika Karnival Seni Mempertahankan Diri (Pencak Silat) pada Mac lalu.



FITRI NAIM

Beralih kepada perkembangan terbarunya, Fitri mengakui sedang giat menjalani latihan untuk mempersiapkan diri menjelang kejohanan SUKMA 2022 yang akan berlangsung pada 16 September ini.

"Pelbagai persiapan telah dilakukan dan saya berharap terpilih

untuk beraksi dalam SUKMA kali ini yang bakal berlangsung di Kuala Lumpur. Saya akan buat yang terbaik, insya-Allah."

"Sebagai atlet, saya perlu bersiap sedia dari segi mental dan fizikal kerana sukan silat ini memerlukan persediaan yang tinggi agar tidak gentar di gelanggang."

Pencapaian Fitri Naim

2022 – ASEAN University Games, Thailand – Tempat ketiga

2022 – Kejohanan Silat Kebangsaan – Emas

2019 – 1st World Beach Pencak Silat Championship, Thailand

2015 – ASEAN School Games, Brunei – Tempat ketiga

"Saya berharap kita boleh mengutip seberapa banyak pingat emas yang boleh bukan sahaja untuk silat, tetapi juga untuk sukan lain. Kita berlawan dan berlatih di sini, kita patut menang," ujar anak kelahiran Kuala Lumpur ini. **WK**

Wilayah Persekutuan antara pencabar utama SUKMA 2022

WILAYAH Persekutuan mempersiapkan 603 atlet bagi mengharungi cabaran temasya Sukan Malaysia (SUKMA) yang akan berlangsung di Kuala Lumpur pada 16 sehingga 24 September ini.

Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP), **Dr Hasnul Faizal Hushin Amri** berkata beliau yakin dengan persiapan yang dibuat setakat ini mampu meletakkan Wilayah Persekutuan antara pencabar utama temasya dwitahunan ini.

"Semua atlet WiPers sedang giat menjalani latihan intensif di lokasi yang telah kita tetapkan. Saya sememangnya yakin dengan keupayaan atlet-atlet kita yang begitu komited sepanjang persiapan bagi menghadapi saingan SUKMA berbaki beberapa hari lagi."

"Saya berharap agar atlet-atlet memperkenalkan aksi terbaik untuk memperolehi pingat seperti yang disasarkan."



PARA atlet WiPers bersama maskot Arka dan Listrik ketika Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Wilayah Persekutuan ke SUKMA XX MSN 2022 di Dewan Serbaguna, Kementerian Wilayah Persekutuan, Putrajaya, pada Selasa.

han sebagai tuan rumah tidak harus disia-siakan oleh kita untuk menjadi juara bagi SUKMA ke-20 kerana ini adalah peluang terbaik untuk Wilayah Persekutuan menjadi juara.

Tambah beliau, kontinen Wilayah Persekutuan akan mengambil bahagian dalam 33 jenis sukan yang dipertandingkan menerusi pembabitan seramai 766 atlet termasuk urus setia, sekretariat Majlis Sukan Negeri (MSN), petugas media dan lain-lain pegawai yang terlibat secara

langsung.

Dalam pada itu, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan turut mengumumkan barisan penaja yang memberi kerjasama dan sokongan untuk bersama-sama kontinen Wilayah Persekutuan pada Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN 2022 pada 16 sehingga 24 September ini.

"Kerjasama daripada penajaan kali ini diharap dapat membantu kelancaran penyertaan kontinen Wilayah Persekutuan pada SUKMA kali ini sekali gus memastikan matlamat untuk muncul juara pada temasya ini tercapai," kata beliau. **WK**

"Sebelum ini pada SUKMA 2018 kita mendapat naib juara secara keseluruhan manakala untuk tahun ini kita berharap dapat mengutip seberapa banyak emas dan kalau boleh melebihi daripada sasaran yang ditetapkan," kata beliau ketika ditemui *Wilayahku* pada Majlis Penyerahan Bendera Kontinen Wilayah Persekutuan Ke SUKMA XX MSN 2022.

Menurut Dr Hasnul, kelebi-

Maskot Arka, Listrik tanda semangat buru emas

HAZIRAH HALIM

BURUAN sasaran 70 pingat emas sememangnya bukan suatu perkara mudah buat para atlet Kontinen Wilayah Persekutuan (WiPers) dalam temasya Sukan Malaysia 2022 (SUKMA) yang bakal berlangsung tidak lama lagi.

Namun, sasaran tersebut kemungkinan besar dapat dicapai setelah mengambil kira prestasi semasa serta komitmen yang ditunjukkan oleh atlet-atlet Wilayah Persekutuan sepanjang menjalani latihan.

Justeru itu, bagi menyemarakkan lagi semangat berkobar-kobar para atlet dalam mendepani temasya itu, WiPers memperkenalkan maskot baharu kontinen iaitu Arka dan Listrik.

Menariknya, kedua-dua pakaian maskot ini dimeriahkan dengan warna bendera Wilayah Persekutuan iaitu biru, kuning dan

merah serta mempunyai maksud disebalik rekaan unik tersebut.

Mengambil semangat bandar raya Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai bandar yang sentiasa bercahaya, maskot Arka menjadi interpretasi semangat wira WiPers untuk berusaha dalam menggapai kilauan emas.

Arka pula diilhamkan daripada cahaya elektrik yang memberi simbol kelajuan sepatas kilat dan bersinar di dalam kegelapan serta rekaannya juga diinspirasikan daripada sang tupai yang kini diberi imej baru dengan kuasa supersonik yang tangkas dan pantas melewati masa seiring dengan pembangunan Wilayah Persekutuan.

Ia juga mewakili semangat juang wirawati WiPers dalam usaha mencapai kilauan emas yang sentiasa diidamkan selain menjadi asas perjuangan mereka untuk memperoleh kejayaan dalam SUKMA 2022. **WK**





Wilayah Persekutuan sasar 70 emas, juara keseluruhan SUKMA 2022

SABRINA SABRE

KONTINJEN Wilayah Persekutuan (WiPers) menasarkan 70 pingat emas selain juara keseluruhan temasya Sukan Malaysia (SUKMA) edisi ke-20 yang dijadual berlangsung di ibu negara bermula 16 September ini.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata sasaran itu cuba dicapai menerusi penyertaan dalam 33 acara yang akan digalas oleh 603 atlet.

"Kita mensasarkan 70 pingat emas membabitkan 33 acara. WiPers antara kontinjen terbesar dengan penyertaan keseluruhan 766 atlet dan pegawai (603 atlet) pada SUKMA XX MSN 2022 dan akan menyertai kesemua acara termasuk dua sukan demonstrasi.

"Kali terakhir WiPers muncul juara adalah pada SUKMA 2014 di Perlis. Kali ini saya merasakan aura dari Perlis itu bakal kembali semula dengan kejuaraan pasti dijulang Wilayah Persekutuan pada tahun ini."

"Sasaran ini adalah berdasarkan perkiraan prestasi semasa atlet. Justeru, saya menuntut komitmen dan usaha bersungguh-sungguh daripada setiap atlet untuk



KETIBAAN Shahidan (tengah) disambut meriah oleh atlet WiPers semasa menghadiri Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Wilayah Persekutuan SUKMA XX MSN 2022.

memastikan sasaran ini tercapai," kata beliau ketika berucap pada Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Wilayah Persekutuan Ke SUKMA XX MSN 2022 di Putrajaya baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan yang juga Ketua Kontinjen WiPers, **Datuk Seri Rosida Jaafar**.

Dalam pada itu, sebagai pembakar semangat, insentif atau

ganjaran bakal diperoleh bagi penyumbang pingat emas iaitu berupa wang tunai sebanyak RM5,000 bagi acara individu manakala RM3,000 hingga RM4,000 bagi acara berpasukan.

"Bagi pingat perak pula, wang tunai sebanyak RM2,000 bagi acara individu manakala acara berpasukan RM1,000 hingga RM1,500 dan pingat gangsa pula sebanyak RM1,000 bagi acara individu dan



AKHBAR Wilayahku dilantik sebagai media rasmi kontinjen Wilayah Persekutuan sempena SUKMA ke-20.

RM500 hingga RM700 untuk acara berpasukan.

"Mereka yang memecahkan rekod kebangsaan dan rekod SUKMA sudah pasti ganjarannya akan dilebihkan, ia tidak termasuk ganjaran khas yang menanti kontinjen," tambahnya.

Sementara itu, akhbar *Wilayahku* dan stesen radio KLfm diumumkan sebagai media rasmi WiPers dalam menyalurkan

sebarang maklumat terkini tentang prestasi dan kejayaan sepanjang temasya berlangsung.

Untuk rekod, kontinjen WiPers juga telah mencatat rekod terbaik dengan menduduki kedudukan naib juara pada SUKMA 2018 di Perak dengan pungutan 52 pingat emas, 38 perak dan 50 gangsa serta mencipta satu rekod baharu kebangsaan dan tujuh rekod baharu SUKMA. **WK**

Atlet WiPers sedia bertarung - Rosida

HAZIRAH HALIM

BERBAKI beberapa hari sahaja lagi, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan merangkap Ketua Kontinjen Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Rosida Jaafar** yakin atlet WiPers mampu memperoleh kejayaan pingat dan bersedia menghadapi temasya Sukan Malaysia 2022 (SUKMA) pada 16 September ini.

Beliau berkata demikian berdasarkan tinjauan dan pemantauan yang dilakukan bersama pegawai Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) dan jurulatih setiap pasukan.

"Seperti yang diketahui, pandemik COVID-19 menyebabkan banyak aktiviti terhenti termasuklah sukan. Kita tidak dapat menganjurkan

apa-apa pertandingan dan melakukan sebarang latihan fizikal seperti latihan kecergasan bersama-sama.

"Walaupun keadaan itu sedikit sebanyak menganggu persiapan atlet terutama dari segi mental, saya telah dimaklumkan oleh pegawai-pegawai penyelia daripada MSWP dan juga pemantauan oleh jurulatih setiap pasukan, mereka menjalani setiap latihan yang diberikan dengan cukup bersemangat sepanjang tempoh persediaan menghadapi temasya ini.

"Berbaiki beberapa hari sahaja lagi, apa yang penting buat masa ini, saya harap semua atlet menjaga kesihatan, mendapatkan rehat yang secukupnya, mengekalkan prestasi kecergasan dan paling utama penjagaan mental sehingga

waktu bertanding," kata beliau ketika ditemui *Wilayahku* pada Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Wilayah Persekutuan ke SUKMA XX MSN 2022.

Selain itu, Rosida juga yakin kontinjen WiPers mampu memperoleh kejayaan terbaik menerusi 33 jenis sukan yang disertai.

"Sudah tentu harapan saya pada SUKMA kali ini untuk mendapat juara dan sasaran 70 pingat emas itu ditetapkan berdasarkan capaian rekod terbaik terdahulu serta pemantauan persediaan para atlet yang dinilai.

"Saya harap kita dapat mencapai kejayaan yang disasarkan seperti kita pernah mencatat rekod terbaik pada SUKMA 2018 di Perak iaitu menduduki kedudukan naib juara dengan pungutan 52 pingat emas, 38



ROSIDA mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan selepas dilantik sebagai Ketua Kontinjen.

perak dan 50 gangsa," jelas beliau.

Dalam pada itu, beliau juga mengharapkan sokongan daripada semua warga Wilayah Persekutuan khususnya kakitangan WP untuk bersama-sama memberi sokongan kepada atlet yang berjuang untuk memperoleh kejayaan dalam

sukan yang disertai.

"Kita menggalakkan sokongan daripada warga WP untuk datang menyokong setiap atlet yang bertanding kerana dengan sokongan itulah ia menambah semangat mereka untuk bertanding," jelas beliau. **WK**